

**£\$£&Parlimen  
MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat  
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARIISNIN : 03 OKTOBER 2011**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**

NO. SOALAN : 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                                 **LISAN**

**DARIPADA**                                 **DATUK ALEXANDER NANTA          LINGGI**

**[ KAPIT ]**

**TARIKH**                                     **3 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dan strategi terkini yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat di negara ini, yang mana baru-baru ini telah dilanda pelbagai isu yang berkaitan dengan agama, bangsa dan juga jurang ekonomi antara rakyat yang ketara yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu.

**JAWAPAN:**       **(YAB PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan **YB Kapit** yang menyentuh tentang langkah dan strategi terkini kerajaan untuk menyatupadukan rakyat dalam

keadaan pelbagai isu yang telah ditimbulkan.

Kerajaan pada dasarnya terus komited untuk menunaikan tanggungjawab untuk menjamin kestabilan, keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara demi terus memastikan kualiti hidup yang tinggi bagi setiap rakyat Malaysia.

Ke arah matlamat tersebut, Kerajaan terus menerapkan gagasan 1 Malaysia sebagai landasan paling penting bagi mengeratkan perpaduan rakyat yang seterusnya menjadi tonggak utama kestabilan dan kemajuan. Seperti yang diketahui umum, gagasan ini berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta berpandu kepada konsep kesederhanaan (moderation) atau konsep wasatiyyah dalam Islam serta prinsip keterangkuman (inclusiveness). Gagasan 1 Malaysia juga menegakkan keadilan sosial di mana semua rakyat

Malaysia akan terbela khasnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Semangat 1 Malaysia inilah yang diterapkan dalam setiap inisiatif dan program yang benar-benar mengambil kira hasrat dan keperluan rakyat.

Sudah tentu ada pihak yang kurang senang apabila penerimaan terhadap gagasan 1 Malaysia ini begitu meluas dan program-program kerajaan untuk kebaikan rakyat juga begitu banyak dan membawa impak yang positif. Justeru itu pelbagai isu dan polemik ditimbulkan demi mengelirukan rakyat agar tidak

menyokong kerajaan.

Namun begitu, Kerajaan tidak pernah terkesan dengan pelbagai tohmahan dan fitnah yang dilemparkan, sebaliknya secara ikhlas terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab demi memastikan kebajikan rakyat terjamin, selain menentukan agar aspirasi negara untuk mencapai status negara maju menjelang fajar 1 Januari 2020 dapat dicapai.

Dalam kata lain, Kerajaan terus komited melaksanakan pelbagai program-program yang mesra rakyat lagi bermanfaat dari segi ekonomi. Program Transformasi Ekonomi (ETP) umpamanya, menyasarkan program dan aktiviti ekonomi yang jelas matlamat dan impaknya.

Antara lain, seperti yang saya umumkan baru-baru ini, hampir 10,000 pekerjaan bakal diwujudkan melalui 8 inisiatif baru dan dua projek dipulihkan membabitkan pelaburan sebanyak RM1.43 billion. Ini merupakan tambahan kepada 372,361 pekerjaan yang telah tersedia dibawah ETP secara keseluruhan. Demikian juga dari aspek perumahan. Antara langkah-langkah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan termasuk melaksanakan Program Perumahan Rakyat yang diuruskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Perumahan Awam (PA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta beberapa program bantuan perumahan di bawah Jabatan Perumahan Negara. Selain dari itu, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) telah ditubuhkan pada 2008 untuk

menyediakan jaminan kepada bank-bank yang memberi pinjaman kepada golongan yang tidak berpendapatan tetap, seperti petani dan peniaga kecil.

Seiring dengan itu, kerajaan telah melancarkan pula skim Rumah Pertamaku dengan mengasaskan golongan muda berusia 35 tahun ke bawah dan berpendapatan tidak lebih RM 3000.00 sebulan. Skim ini mendapat sambutan hangat dan bakal diperkukuhkan lagi dengan program Perumahan Rakyat 1 Malaysia atau PR1MA. Bagi mengurangkan kos barangan keperluan harian, Kedai Rakyat 1 Malaysia telah diwujudkan yang menyediakan barangan asas pada harga yang lebih murah. Begitu juga klinik 1 Malaysia dan Klinik Bergerak 1 Malaysia juga disediakan di kawasan-kawasan tertentu bagi membantu rakyat yang kurang mampu untuk mendapatkan rawatan asas. Demikianlah sebahagian dari inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan berlandaskan gagasan 1 Malaysia. InshaAllah banyak lagi inisiatif dan langkah yang akan terus diambil, termasuklah beberapa perkara yang saya akan umumkan sewaktu membentangkan Bajet 2012 tidak lama lagi. Apa pun, jelaslah dengan semua inisiatif yang diambil kerajaan ini, agenda kebajikan dan kemakmuran negara yang seimbang telah menjadi natijah akhir yang ingin dicapai.

Dari segi langkah-langkah secara langsung memupuk perpaduan, program-program untuk menggalakkan interaksi dan integrasi telah dan akan terus dilaksanakan, termasuklah program sukan, kegiatan belia, dan program Latihan

Khidmat Negara, manakala di peringkat universiti, kursus hubungan etnik diwajibkan untuk semua pelajar dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) ditambahkan untuk menggalakkan persefahaman terhadap Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JMKPA) pula telah ditubuhkan sejak awal 2010 sebagai satu mekanisme untuk berdialog, berunding dan menyelesaikan isu-isu antara agama dan antara penganut agama.

Empat (4) jawatankuasa kerja diwujudkan untuk memupuk persefahaman terhadap Isu-Isu antara penganut agama, menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat. Di samping mesyuarat formal melalui JMKPA, perutusan- perutusan dan pemimpin-pemimpin agama juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan dan kegiatan bersama. Antara perutusan yang aktif termasuklah ACCIN, MCCBCHST, INSAF, IKIM, *Malaysia Inter-Faith Network*, *Universal Peace Foundation* dan *Cheng Ho Multi Cultural Education Trust*.

Di samping itu, langkah pencegahan atau *preventive measure* merangkumi pemantauan yang rapi oleh pihak polis, Rukun Tetangga dan Persatuan Penduduk terhadap apa juga isu atau kejadian yang mungkin menimbulkan reaksi dan sentimen yang boleh menjejaskan keharmonian. Ini dilaksanakan secara

bersama oleh pihak polis dan Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN). JPNIN telah juga melatih pemimpin Rukun Tetangga (RT) dan masyarakat dalam kemahiran mediasi untuk menjadi mediator komuniti yang akan bertindak menyelesaikan perselisihan yang muncul sebelum ianya tercetus menjuadi insiden yang besar.

Hasil daripada usaha gigih semua pihak terlibat dan sambutan baik bagi rakyat secara keseluruhan, Alhamdulillah, kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman telah juga diiktiraf di peringkat antarabangsa. Mengikut Global Peace Index, kedudukan Malaysia telah meningkat dari tangga 38 pada tahun 2008 ke tangga 26 pada tahun 2009, tangga 22 pada tahun 2010 dan tangga 19 pada tahun 2011, iaitu, di antara 20 buah negara yang paling aman di kalangan 150 buah negara yang dibuat penilaian.

Tuan Yang Di-Pertua,

Walaupun ada pihak yang cuba mengganggu gugat kestabilan yang kita nikmati demi kepentingan mereka sendiri, inshaAllah dengan langkah- langkah dan pendekatan berterusan yang dilaksanakan, rakyat secara umumnya akan dapat menilai dengan sendiri bahawa diakhirnya, bukan sahaja kerajaan terus berusaha memakmurkan rakyat dan negara, tetapi lebih penting ialah hakikat bahawa semua kesenangan yang kita miliki adalah berakar kepada perpaduan rakyat

Malaysia yang telah 54

fahun terjalin erat, dan terus kukuh dan utuh dibawah gagasan 1 Malaysia.

Sekian, terima kasih.



**NO SOALAN**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW  
(KEPONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.10.2011**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperkukuhkan Malaysia terhadap kemerosotan ekonomi dunia. Adakah beliau masih mempercayai bahawa pertumbuhan ekonomi akan mencatat 6%.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan **YB Kepong** bersama-sama dengan soalan **YB Gua Musang** dan **YB Simpang Renggam** yang dijadualkan dijawab pada 4 Oktober 2011 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

2. Prestasi ekonomi negara dianggar terus berkembang pada tahun ini meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar. Ini termasuk kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS), krisis hutang kerajaan di Eropah, kenaikan inflasi akibat peningkatan harga komoditi global. Sebagai sebuah negara perdagangan, persekitaran yang tidak menentu ini sudah pasti memberi kesan kepada ekonomi negara melalui hubungan perdagangan dan pasaran kewangan. Namun demikian, kesan ini dijangka

memberi impak yang minimum kepada negara kita memandangkan kekuatan daya tahan dan asas-asas ekonomi yang mampan serta perancangan Kerajaan untuk memastikan ekonomi berkembang kukuh.

3. Dalam tempoh separuh pertama 2011, dengan persekitaran luar yang mencabar, termasuk kesan gangguan bekalan akibat gempa bumi di Jepun, ekonomi negara berupaya mencatat pertumbuhan 4.4%. Momentum pertumbuhan dijangka lebih baik dalam tempoh separuh kedua 2011 disokong terutamanya oleh perbelanjaan permintaan domestik dan kecergasan aktiviti pelaburan. Perbelanjaan penggunaan dijangka mencatat pertumbuhan kukuh berikutan peningkatan pendapatan hasil daripada harga komoditi yang kekal tinggi dan prospek pekerjaan yang stabil. Sementara itu, pelaburan swasta dijangka terus cergas dirangsang oleh peluang perniagaan daripada pelaksanaan projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta pelaksanaan beberapa inisiatif utama Kerajaan dalam menarik pelaburan. Inisiatif ini termasuk pemberian insentif bagi bidang pertumbuhan baharu, langkah liberalisasi ekonomi, penswastaan syarikat milik Kerajaan, pengkorporatan MIDA dan penambahbaikan yang berterusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

4. Usaha-usaha ini dijangka akan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi negara sekali gus mengurangkan kesan daripada ketidaktentuan sektor luar. Selain itu, prestasi ekonomi rantau Asia dijangka terus positif terutamanya bagi negara membangun berkembang pesat seperti China, India dan Indonesia. Perkembangan ini menyokong pertumbuhan perdagangan intraserantau, seterusnya akan mengimbangi kesan kelembapan AS dan Eropah. Selain itu, Kerajaan akan memastikan ekonomi negara terus kukuh dengan melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan beban rakyat dan merencanakan aktiviti penggunaan domestik.

Untuk makluman ahli yang berhormat,

5. Berdasarkan unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF),

pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang 4.0% dan perdagangan dunia meningkat 7.5% pada tahun 2011. Dengan mengambil kira perkembangan ini, Kerajaan akan mengumumkan kedudukan terkini prestasi ekonomi negara bagi tahun 2011 dan 2012 pada 7 Oktober 2011 semasa pembentangan Belanjawan 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Strategi dan langkah yang akan digubal dalam Belanjawan 2012 ini, pada asasnya turut mengambil kira keprihatinan Kerajaan terhadap kesulitan dan keperitan yang dihadapi Rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Ini juga dapat membantu dan melindungi mereka dalam keadaan kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi dunia serta kenaikan kos dan harga barangan.

7. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan terus melaksana pelbagai program dan aktiviti bagi meringankan bebanan golongan ini, antaranya bantuan kewangan, subsidi dan insentif, program latihan dan kemahiran serta menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perumahan.

8. Kerajaan juga telah mengumumkan NKRA Ketujuh di bawah Program Transformasi Kerajaan, iaitu Mengurangkan Kos Sara Hidup Rakyat, bagi mengenal pasti langkah-langkah segera dan jangka sederhana untuk menangani dan meringankan beban rakyat.

9. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu golongan Rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah, termasuk meneruskan pemberian subsidi makanan dan keperluan asas yang berjumlah hampir 23 bilion ringgit, bantuan kebajikan sara hidup bulanan kepada golongan miskin melalui Jabatan Kebajikan Malaysia, bantuan persekolahan anak-anak serta projek perumahan rakyat. Di samping itu, Kerajaan juga akan memperluaskan Kedai rakyat IMalaysia di seluruh negara yang menawarkan barangan keperluan harian pada sehingga 40% lebih rendah, program jualan

terus dari ladang bagi barangan makanan terpilih dan memperbanyakkan pembukaan perkhidmatan Klinik IMalaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Kerajaan yakin inisiatif-inisiatif lain yang akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2012 pada Jumaat, 7 Oktober ini, Insya-Allah akan dapat menangani kesulitan dan kesukaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah dalam cabaran persekitaran ekonomi yang sangat hebat ke arah mencapai sebuah Negara maju berpendapatan tinggi.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK TIONG THAI KING [LANANG]**

**TARIKH 3 OKTOBER 2011**

**SOALAN:**

**DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penerima biasiswa mengikut kaum dan negara pengajian di bawah Biasiswa Program Ijazah Luar Negara (PILN) tahun 2011 tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam.

**NO.SOALAN : 3**

**YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**JAWAPAN: MENTER1 DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik penerima biasiswa JPA di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) tahun 2011 mengikut kaum adalah seperti berikut:

<b>PROGRAM</b>	<b>2011</b>		
	<b>BUMIPUTERA</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>PILN</b>	882	618	<b>1,500</b>

Pelajar-pelajar ini akan dihantar untuk mengikuti pengajian dalam bidang-bidang Kritikal, Profesional, Strategik dan Keutamaan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pelajar-pelajar yang terpilih ini perlu menjalani program persediaan di dalam negara sebelum mereka ditempatkan di universiti luar negara bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama.

Pelajar-pelajar akan melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di negara seperti United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun, Korea Selatan, Rusia, Jerman, Perancis, Republik Czech, Poland dan India.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO.4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**  
**[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH 3 OKTOBER 2011**

**SOALAN:**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) tidak berupaya mengambil tindakan berdasarkan bidang kuasanya yang sedia ada di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan pilihan raya bagi memperbaiki sendiri kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam tuntutan Bersih 2.0 tanpa perlu menunggu cadangan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai reformasi pilihan raya.

**SOALAN NO.4**

1

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR ditubuhkan mengikut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan fungsi utama SPR adalah seperti yang berikut:

- (a) menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan;
- (b) menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan
- (c) membuat kajian dan persempadanan semula Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu.

Sebagai sebuah Suruhanjaya yang bebas, setiap tindakan SPR berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi Negara serta kehendak suara rakyat terbanyak (*the majority*) di dalam Parlimen.

Dalam hal ini perlu dijelaskan bahawa SPR melaksanakan fungsi-



#### SOALAN NO.4

fungsinya menurut kerangka undang-undang yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (PenjalananPilihan Raya)1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Ini termasuklah dalam melakukan usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya yang bertujuan utama untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekaligus demokrasi di Malaysia.

Berhubung dengan “**BERSIH 2.0**” yang menuntut lapan (8) Perkara yang terdiri daripada;

- (i) SPR perlu melaksanakan Pembersihan Daftar Pemilih;

#### SOALAN NO.4

- (ii) SPR Perlu melaksanakan Pembaharuan Sistem Undi Pos;
- (iii) SPR perlu melaksanakan Penggunaan Dakwat Kekal;
- (iv) SPR perlu memperuntukkan Tempoh Berkempen Tidak Kurang dari 21 hari;
- (v) SPR perlu menjamin adanya Akses Media Yang Bebas dan Adil;
- (vi) Memperkukuhkan Institusi Awam;
- (vii) Memberhentikan Amalan Rasuah; dan
- (viii) Memberhentikan Amalan Politik Kotor,

SPR mendapati hanya **lima (5)** Perkara sahaja yang mempunyai perkaitan secara langsung dengan bidang tugas SPR, iaitu Perkara **(i) sehingga (v)** sahaja, manakala Perkara **(vi) hingga (viii)** bukan termasuk di dalam bidang kuasa SPR.

Kelima-lima Perkara tersebut telahpun diambil maklum oleh SPR untuk dikaji dan dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh “**BERSIH 2.0**” dalam tuntutan mereka bukan perkara baru kerana ia juga sering dibangkitkan di dalam Mesyuarat Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara oleh Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat secara sah di sisi Perlembagaan.

Malah, tanpa tuntutan-tuntutan tersebut pun, perkara-perkara ini telah

#### SOALAN NO.4

lama dan senantiasa menjadi fokus SPR dalam melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja untuk membersih bahkan untuk memberdaya (*to empower*) serta merekayasa (*to re-engineer*) sistem pengurusan dan operasi pilihan raya di Malaysia.

Namun, kebelakangan ini isu ketelusan proses pilihan raya yang diamalkan sering dipertikaikan oleh pihak-pihak tertentu yang lantang menyanggah kewibawaan dan keupayaan SPR dalam menjalankan fungsi-fungsinya yang telah ditetapkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, untuk berlaku adil kepada SPR dan pihak-pihak yang mempertikaikan peranan SPR, dan sejajar dengan semangat demokrasi, Kerajaan telah tampil mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi membincangkan keperluan untuk menambahbaik proses pilihan raya yang sedia agar lebih adil, telus dan demokratik serta progresif. Ini merupakan suatu langkah bijak bagi menyediakan ruang dan peluang kepada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan proses pilihan raya di negara ini bermuhasabah dan menyampaikan suara hati nurani (*conscience*) mereka melalui wakil-wakil mereka yang dilantik melalui Jawatankuasa Pemilih Parlimen agar suatu kajian secara komprehensif dan holistik mengenai pembaharuan proses pilihan raya dapat dilakukan dan dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.



**NO. SOALAN : 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH**

**LISAN  
DATO' SERI TIONG KING SING [  
BINTULU ] 03.10.2011(ISNIN)**

**DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
menyatakan:-**

- (a) adakah kedai runcit 1 Malaysia yang telah dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri akan diperkembangkan ke negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) bilakah pelaksanaan tersebut akan dijalankan atau apakah perancangan pihak Kementerian terhadap pelaksanaan tersebut di negeri Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan sepuluh (10) soalan lain yang dikemukakan oleh YB Bakri pada 5 Oktober, YB Ipoh Timur pada 10 Oktober, YB Mas Gading pada 20 Oktober, YB Serdang pada 25 Oktober, YB

Kanowit pada 1 November, YB Lenggong pada 10 November, YB Sipitang dan YB Tanjong Piai pada 15 November, YB Kuala Nerus pada 21 November, dan YB Gua Musang pada 22 November kerana ianya menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M).

**Tuan Yang Dipertua,**

Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memastikan rakyat terutamanya di bandar-bandar yang menghadapi tekanan berikutan kenaikan kos sara hidup dapat memperolehi produk keperluan pada harga rendah dan berkualiti. Ia juga sebagai medium kepada Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang dan mengurangkan monopoli produk yang didominasi oleh syarikat-syarikat pengeluar.

KR1M dibangunkan dengan konsep menjual produk keperluan pada harga rendah tanpa mementingkan jenama produk, namun kualiti produk tetap diutamakan. Harga produk yang dijual di KR1M telah ditetapkan antara 30% hingga 50% lebih rendah berbanding dengan produk serupa di bawah jenama lain.

Jenama "Kedai Rakyat 1 Malaysia" telah didaftarkan tanda niaga sebagai hak milik daftar Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Manakala bagi produk yang dijual di dalam KR1M, ia dikenali dengan jenama 1 Malaysia Kedai Rakyat.

Sebagai permulaan, pihak Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) telah diberi kebenaran untuk menggunakan logo 1 Malaysia dan diberikan tanggungjawab sebagai katalis untuk menjalankan operasi KR1M atas kepakaran dan keupayaan yang dimilikinya dalam bidang peruncitan dan pemborongan. Selain itu, pihak Mydin juga berperanan dalam menjalankan operasi kedai tersebut seperti membekal barangan, menyusun atur barangan,

melatih serta menyediakan kakitangan dan juga mentadbir urus sistem *Point Of Sales* (POS). Program ini juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat Mydin kepada masyarakat setempat.

Untuk makluman, KR1M telah mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai kerana kepelbagaian produk yang dijual dalam kualiti yang lebih kecil bagi membolehkan pengguna yang berpendapatan rendah mendapatkan produk tersebut berdasarkan kemampuan dan keperluan mereka. Sebanyak 250 jenis produk keperluan pengguna telah dijual di KR1M. Antara produk yang mendapat sambutan daripada pengguna seperti biskut, susu krimer, lampin bayi pakai buang, sardin, bihun, air mineral dan minuman malt coklat.

Pelaksanaan program KR1M tidak berorientasikan keuntungan semata-mata. Program ini lebih kepada usahasama strategik antara Kerajaan dan badan korporat untuk membantu mengekang kenaikan harga barangan dan sekaligus mengurangkan beban sara hidup rakyat.

Penjimatan dari segi kos pengiklanan antara 20-30% dengan pembungkusan yang mempunyai label generik 1 Malaysia serta pembelian secara pukal daripada pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana dan tidak bergantung pada orang tengah merupakan penyumbang kepada penurunan harga barangan di Kedai Rakyat 1 Malaysia.

Pada tahun 2011, minimum sebanyak 25 premis KR1M akan dibuka di seluruh negara manakala bagi 2012, minimum sebanyak 60 premis akan dibuka di seluruh negara.

Sehingga kini, sebanyak empat premis KR1M telah beroperasi di sekitar Lembah Kelang dan Putrajaya iaitu :-

- i- Stesen LRT Kelana Jaya, Selangor,

- ii- Pusat Komuniti Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur,
- iii- Projek Perumahan Rakyat Pantai Dalam, Kuala Lumpur,
- iv- Presint 2, Putrajaya.

Bagi menyebarkan luas manfaat daripada pelaksanaan program ini, Kerajaan telah meminta agar semua kedai runcit yang terlibat di dalam program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) melibatkan lebih 500 buah kedai di seluruh negara untuk turut menjual produk terpilih jenama Kedai Rakyat 1 Malaysia. Kerajaan juga telah meminta agar semua 250 kedai D'Mart Shops di tanah rancangan FELDA untuk menjual barangan jenama 1 Malaysia selain barangan jenama generik Coop 1 Malaysia. Selain daripada itu, AgroBazaar Kedai Rakyat di bawah FAMA yang melibatkan 150 buah kedai di seluruh negara akan turut menjual barangan terpilih jenama Kedai Rakyat 1 Malaysia.

Pihak kita juga sedang berbincang dengan syarikat-syarikat minyak untuk menjual di stesen-stesen minyak di seluruh negara dan kita juga sedang mengadakan perbincangan dengan pihak PERNAMA untuk dijual di kem-kem tentera.

**Untuk Makluman Yang Berhormat,**

Kerajaan memang sedang merancang untuk membuka KR1M di Sabah dan Sarawak. Pada waktu ini, Kerajaan sedang berbincang dan melihat lokasi-lokasi dan dalam masa yang sama berbincang dengan pihak IKS di Sabah dan Sarawak sama ada mereka boleh *supply* produk-produk tempatan di Sabah dan Sarawak bagi mengelakkan kenaikan harga jualan produk apabila kita membawa daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**



**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 03.10.2011**

**Tuan Lim Guan Eng (Bagan)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sepenuhnya transaksi penglibatan Air Asia dalam MAS dan adakah langkah Khazanah ini akan berjaya memulihkan MAS. Adakah kebimbangan persatuan sekerja MAS yang ingin berpiket wajar. Berapakah suntikan wang kepada MAS sejak ia bermula bagi menampung kos operasinya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 9 Ogos 2011, Malaysian Airline System Bhd (MAS), AirAsia Bhd (AirAsia) dan AirAsia X Sdn Bhd (AirAsia X) telah menyertai Rangka kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) bagi meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang. CCF tersebut melibatkan tiga perkara utama, iaitu perjanjian kerjasama, perjanjian pemegang saham dan pengawasan:

- i) Perjanjian Kerjasama  
CCF berkenaan menyaksikan terbentuknya rangka kerja kerjasama dan prinsip panduan bagi kolaborasi operasi MAS, AirAsia dan AirAsia X.

Tempoh CCF tersebut adalah selama 5 tahun, dengan pilihan untuk melanjutkan lagi tempoh perjanjian selama 5 tahun. Tempoh ini adalah bagi memberikan masa yang secukupnya untuk memperoleh manfaat yang ketara bagi jalinan kerjasama, dengan kedua-dua pihak diberi pilihan untuk membatalkan perjanjian.

ii) Perjanjian Pemegang Saham

Pertukaran saham antara Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), pemegang saham utama MAS, dan Tune Air Sdn Bhd (Tune Air), pemegang saham utama AirAsia.

AirAsia dan MAS akan menerbitkan waran untuk para pemegang saham masing-masing pada nisbah yang akan ditetapkan kelak.

iii) Pengawasan

Beberapa ahli lembaga pengarah yang sama di kedua-dua syarikat.

Mewujudkan Jawatankuasa Kerjasama Bersama yang melibatkan pengarah daripada kedua-dua buah syarikat penerbangan.

Mewujudkan Panel Penasihat Kerjasama bagi memastikan kedua-dua belah pihak memelihara kepentingan orang ramai dalam operasi masing-masing serta memelihara norma dan nilai rakyat

## Malaysia.

Rangka kerja ini akan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan undang-undang anti persaingan.

2. Bagi mengukuhkan kerjasama dan memberikan manfaat bersama, Khazanah dan Tune Air telah memiliki saham kedua-dua syarikat penerbangan. Tune Air memegang 20.5% saham dalam MAS sementara Khazanah memegang 10% saham AirAsia. Nisbah pertukaran saham adalah berdasarkan kepada harga saham ketika penutup sesi dagangan pada 5 Ogos 2011. Pertukaran saham tersebut melibatkan pemindahan 685,142,000 saham MAS dengan 277,650,600 saham AirAsia. Memandangkan kedua-dua syarikat tersebut merupakan entiti yang tersenarai, pertukaran saham tersebut adalah berdasarkan kepada harga pasaran saham yang mencerminkan nilai sebenar saham.

3. Khazanah sedang melaksanakan kajian menyeluruh (*due diligence*) atas kedudukan kewangan dan model perniagaan syarikat AirAsia X dan keputusan untuk memiliki saham AirAsia X adalah bergantung pada hasil kajian tersebut.

4. Harus ditekankan di sini bahawa kerjasama di bawah CCF ini adalah hanya sebahagian daripada rancangan pemulihan MAS. MAS harus terus menumpukan usaha untuk memperbaiki pelbagai kelemahan operasi dan kewangannya serta meningkatkan kecekapannya dalam usaha menjadi syarikat penerbangan yang lebih kukuh pada masa depan.

5. Berkaitan kebimbangan kesatuan sekerja pula, MAS sentiasa meletakkan kepentingan kakitangan dalam setiap keputusan perniagaannya. MAS telah memulakan perbincangan dengan kesatuan sekerja untuk menjelaskan tentang CCF.

6. Dari segi suntikan kewangan, MAS telah menerbitkan dua terbitan hak dalam beberapa tahun yang lepas - satu pada tahun 2007 yang telah berjaya mengumpul RM1.13 bilion dan satu lagi pada tahun 2010 yang berjaya mengumpul RM2.67 bilion. Penerbitan modal berkenaan adalah bagi membiayai pembelian pesawat MAS selari dengan rancangan pertukaran pesawatnya.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON**

**[ TANGGA BATU ]**

**TARIKH**

**3 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah bilangan keseluruhan pengguna kad perkhidmatan telefon prabayar semasa di seluruh negara, serta nyatakan peratusan pengguna yang tidak menggunakan sepenuhnya nilai kad ini berbanding dengan jumlah keseluruhan serta nyatakan juga kuantumnya dalam bentuk Ringgit Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**SOALAN NO: 8**

Bilangan keseluruhan pengguna kad perkhidmatan telefon prabayar semasa di seluruh Negara ialah 28.4 juta iaitu 80% daripada sejumlah 35.3 juta pengguna.

Peratusan pengguna prabayar yang tidak menggunakan sepenuhnya nilai kad ini ialah 90.2% dan kuantum yang tidak digunakan ialah RM60juta. Kuantum ini merupakan 0.5% daripada pendapatan syarikat- syarikat telekomunikasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**

**[MARANG]**

**TARIKH 3 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kenapakah sambutan Hari Kemerdekaan Negara ke 54 masih hambar di kalangan rakyat jelata:-

- (a) adakah pihak Kerajaan telah menjalankan satu kajian yang terperinci dan menyeluruh kenapakah fenomena ini wujud;

**SOALAN NO: 9**

dan

(b) sekiranya ada, nyatakan hasil penemuannya.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sambutan Hari Kemerdekaan pada setiap tahun merupakan satu peristiwa yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia. Menerusi maklumbalas yang diterima kemeriahan dan keberkesanan perayaan Merdeka 54 dan Hari Malaysia amat diminati. Hanya YB sahaja yang mengatakan ia hambar. Komitmen rakyat dalam menyambut perayaan ini dapat diserlahkan melalui penglibatan dan penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti kemerdekaan yang dianjurkan oleh Kerajaan, swasta, sektor pendidikan dan pihak penguasa tempatan sepanjang bulan Kemerdekaan bermula dari Ogos hingga 16 September (Hari Malaysia) setiap tahun.

Kesedaran perpaduan dan semangat cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia adalah suatu perkara yang subjektif dan sukar untuk dibuat pengukuran melalui kajian. Walau bagaimanapun, berdasarkan penglibatan dan sokongan rakyat pelbagai kaum dan lapisan umur terhadap program-program kemerdekaan yang dilaksanakan di peringkat Kebangsaan dan Negeri, Kerajaan amat yakin bahawa semangat perpaduan di kalangan rakyat berada pada tahap yang amat membanggakan, ini dapat dilihat sendiri semasa Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-54 dan Hari Malaysia pada 16 September 2011 lalu dan Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri-Merdeka yang telah dianjurkan oleh Kerajaan yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada segenap lapisan masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH**



**SOALAN NO : 9**

**Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.**  
**MUTTALIB [MARAN]**  
**TARIKH 3 OKTOBER 2011**  
**SOALAN**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam tempoh lima tahun, berapakah bilangan kakitangan Kementerian dalam kategori staf sokongan yang terlibat di dalam kemalangan semasa menjalankan tugas dan langkah- langkah yang diambil bagi mengurangkan risiko kemalangan tersebut.

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan tiga (3) soalan-soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan kemalangan melibatkan ambulan iaitu pertanyaan daripada YB Bukit Gelugor bertarikh 10 Oktober 2011, YB Sungai Petani bertarikh 21 November 2011 dan YB Tanjong Malim bertarikh 30 November **2011**.

Jumlah kemalangan yang melibatkan ambulan sejak 5 tahun yang lalu adalah secara purata sebanyak lima puluh tujuh (57) kemalangan setiap tahun. Ini termasuk kemalangan kecil yang tidak melibatkan kecederaan atau kematian. Statistik kemalangan ini adalah daripada 137 buah hospital dan lebih 800 Klinik Kesihatan di bawah Kementerian di seluruh negara.

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Kini terdapat sebanyak 1402 buah ambulan di seluruh hospital dan fasiliti kesihatan.

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah kemalangan ambulan ini. Ini termasuklah dari segi aspek kenderaan ambulan itu sendiri serta pemandu ambulan. Kenderaan ambulan yang dibekalkan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dimasukkan dalam spesifikasi kenderaan. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kenderaan ambulan diserahkan kepada hospital, pemeriksaan akan dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), PUSPAKOM dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memastikan kenderaan tersebut adalah selamat untuk digunakan. Penyelenggaraan kenderaan ambulan juga dilakukan secara berkala mengikut jadual. Tambahan lagi pemeriksaan kenderaan juga dilakukan oleh pemandu dan dipantau oleh penyelia (Penolong Pegawai Perubatan) yang mana ia diwajibkan kepada setiap ambulan sebelum memulakan perjalanan bagi memastikan tahap keselamatan dan fungsi ambulan tersebut.

Pemandu juga diberikan latihan mengenai pemanduan berhempah. Latihan ini mengandungi dua (2) modul iaitu teori dan praktikal. Dua (2) hari diperlukan untuk latihan teori dan tiga (3) bulan secara praktikal, yang akan dipantau rapi oleh Penolong Pegawai Perubatan Kanan di peringkat hospital. Latihan ini memberi penekanan tentang peranan dan tanggungjawab pemandu ambulan, teknik pemeriksaan dan penjagaan ambulan, peraturan lalulintas dan panduan jalanraya bagi ambulan, etika pemandu ambulan serta juga penekanan tentang teknik pemanduan ambulan. Latihan yang dijalankan juga melibatkan pegawai dari JPJ dan PUSPAKOM.

Soalan No: 10

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISA  
N**  
**DARIPADA**                      **Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD  
YUSOFF (BALIK PULAU)**  
**TARIKH**                              **3.10.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ BALIK PULAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia untuk berurusan dengan UNESCO dan nyatakan butir-butir perbelanjaan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia telah menyertai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) sejak Jun 1958. Sejak keanggotaan Malaysia dalam badan antarabangsa tersebut, Malaysia telah terlibat secara aktif dalam pelbagai program dan aktiviti UNESCO, antaranya adalah menjadi ahli kepada beberapa sub-organ di bawahnya iaitu:

- *International Bureau of Education (IBE);*
- *International Hydrological Programme (IHP);*
- *Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC);*
- *Management of Social Transformation (MOST) Programme;*
- *Intergovernmental Committee for Physical Education and Sport (CIGEPS)*

Penyertaan Malaysia sebagai anggota Lembaga Eksekutif UNESCO telah memberi peluang kepada negara untuk mengambil bahagian dalam isu utama di peringkat antarabangsa dan berpeluang menyumbang kepakarannya terutama dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan untuk masyarakat antarabangsa. Sehingga kini, Malaysia masih kekal sebagai ahli Majlis Eksekutif IOC (*IOC Executive Council*) bagi penggal 2011-2013. Wakil Malaysia iaitu Y.Bhg. Prof. Dr. Noraieni Hj. Mokhtar telahpun dilantik semula sebagai Timbalan Pengerusi IOC/WESTPAC untuk penggal 2010-2012 dan sebagai Pengerusi *International Scientific Committee of 8<sup>th</sup> IOC/WESTPAC International Scientific Symposium* yang diadakan di Republik Korea pada 28-31 Mac 2011, manakala Y.Bhg. Prof. Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi salah seorang panel meja bulat ***Committee on International Non-Governmental Organizations*** sempena Mesyuarat Lembaga Eksekutif Kali Ke-186 yang lalu.

Melalui penglibatan yang aktif ini juga, Malaysia telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti yang sama ada di luar atau dalam negara dengan kerjasama yang lebih erat seperti *Participation Programme* yang merupakan salah satu program yang dikendalikan oleh ibu pejabat UNESCO di Paris, Perancis, program ***Japan East Asia Network Exchange of Students and Youth - JENESYS programme (National Federation of UNESCO's Associations in Japan-NFUAJ)*** dan sebagainya. Selain itu, pakar-pakar dari Malaysia juga dijemput untuk menghadiri program-program antarabangsa, sama ada di rantau Asia Pasifik mahupun di peringkat antarabangsa, dan mereka dibiayai sepenuhnya oleh pihak penganjur. Ini menunjukkan bahawa peranan Malaysia di peringkat antarabangsa telah mendapat pengiktirafan yang sewajarnya hasil dari penglibatan aktif negara dalam badan tersebut. Sehingga kini, kerajaan Malaysia telah menyumbang sejumlah RM2,602,683.53 (RM2.6 juta) bagi tujuan

pembayaran yuran tahunan keanggotaan dalam badan tersebut.  
Selain itu, Malaysia juga telah mendapat pengiktirafan dalam pelbagai bidang sejak menganggotai badan berkenaan. Ini termasuklah

- i. pengiktirafan 3 Inskripsi Tapak Warisan Dunia UNESCO iaitu Melaka dan Georgetown dipilih sebagai Tapak Warisan Dunia kategori kebudayaan pada tahun 2008.
- ii. Taman Negara Kinabalu (Sabah) dan Taman Negara Mulu (Sarawak) turut diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia kategori Tapak Semulajadi pada tahun 2000.
- iii. Langkawi Geopark sebagai Global Geopark Network pada tahun 2007 dan Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera pada tahun 2008.

Rjm 01

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**SOALAN (11 )**

TARIKH                      3 OKTOBER 2011 (ISNIN)  
DARIPADA                    Y.B. DATUK SERI UTAMA SHAHRIR BIN AB. SAMAD  
   [ JOHOR BAHRU ]

**SOALAN**

Y.B. DATUK SERI UTAMA SHAHRIR BIN AB. SAMAD [ JOHOR BAHRU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah unit perumahan yang telah menerima manfaat dari skim penambahbaikan rumah-rumah pangsa kos rendah swasta melalui pembiayaan separuh dari dana awam, lokasi-lokasi mereka dan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2011, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima 180 permohonan melibatkan kos RM88.7 juta daripada pengurusan rumah pangsa kos rendah swasta. Daripada jumlah tersebut, hanya 34 permohonan yang memenuhi syarat Geran Sepadan (50 : 50) melibatkan kos sebanyak RM2.7 juta.

Kementerian akan menyalurkan peruntukan berkenaan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) selepas pihak Kerajaan Negeri memuktamadkan proses perolehan dan perlantikan kontraktor.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU**

**[TELUK INTAN]**



**TARIKH**

**3 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**12**

**Tuan Manogaran** *all* **Marimuthu [Telok Intan]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sekali lagi pada musim perayaan negara telah mencatat kemalangan jalan raya yang amat tinggi walaupun terdapat Ops Sikap yang nampaknya gagal untuk mengurangkan jumlah kemalangan. Adakah ini disebabkan pada dasarnya ramai pemandu-pemandu sebenarnya tidak layak untuk memegang lesen memandu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Ops Sikap Ke-24 telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) mulai 23 Ogos sehingga 6 September 2011 sempena musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri 2010. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh PDRM, kadar kemalangan yang dicatatkan semasa Ops Sikap berkenaan meningkat sebanyak 16.6% iaitu sejumlah 19,606 kemalangan pada tahun ini berbanding dengan 16,817 kemalangan pada Ops Sikap Hari Raya Aidil Fitri 2010. Dalam pada itu, jumlah kematian yang dicatatkan semasa Ops Sikap kali ini meningkat sebanyak 16.5% iaitu 289 kematian berbanding 248 kematian semasa Ops Sikap Hari Raya Aidil Fitri 2010.

Berhubung dengan pandangan YB Telok Intan bahawa peningkatan kemalangan jalan raya pada musim perayaan ini adalah disebabkan ramai pemandu tidak layak memegang Lesen Memandu sebenarnya adalah tidak benar. Pemandu-pemandu yang dilesenkan oleh JPJ telahpun menjalani latihan dan memenuhi kriteria kekompetenan yang ditetapkan dalam sistem pengujian semasa. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji untuk menambah baik sistem pengujian sedia ada supaya pemandu-pemandu menjadi lebih kompeten dan lebih berhemah.

Seterusnya hasil kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) mendapati terdapat pelbagai faktor lain yang menjurus kepada kemalangan jalan raya pada musim perayaan. Antaranya ialah

persekitaran jalan, bilangan kenderaan yang meningkat dua kali ganda di jalan raya semasa musim perayaan, kerosakan kenderaan dan kecuaiian manusia.

#### **DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ]

**TARIKH** : 3OKTOBER2011

#### **SOALAN**

**Dato<sup>1</sup> Sri Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan strategi-strategi utama Kerajaan dalam usaha mengurangkan "carbon emission" dan tahap pencapaiannya. Bagaimana pelaksanaannya dapat diselaraskan dengan matlamat perusahaan automobil yang terus mengejar kejayaan dalam pemasaran kenderaan.

#### **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mengurangkan *carbon emission* di peringkat domestik, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*Green House Gases* - GHG) sehingga 40% intensiti karbon menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005. Pengumuman ini dibuat semasa beliau

menghadiri Persidangan Perubahan Iklim di Copenhagen pada bulan Disember 2009. Indikator pengurangan ini merupakan sasaran sukarela negara dan bukan mandatori serta tertakluk kepada pembangunan teknologi, penyediaan kewangan yang mencukupi serta peningkatan kapasiti.

Sebagai strategi permulaan untuk mengurangkan 40% intensiti karbon tersebut, Kerajaan telah menyediakan kerangka *Road Map* yang meliputi tiga program utama iaitu, Kecekapan Penggunaan Tenaga (Energy Efficiency - EE), Tenaga Boleh Diperbaharui (Renewable Energy - RE) dan Pengurusan Sisa Pepejal.

Di bawah tiga program utama ini, Kerajaan telah mengenal pasti beberapa tindakan mudah dan murah (*low-hanging fruit*) yang sedang diguna pakai oleh pihak swasta untuk mengurangkan pelepasan GHG sambil menjimatkan kos ataupun menjana pendapatan. Jumlah kumulatif pengurangan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) setakat ini ialah 23.54 juta tan atau 62 % berbanding dengan sasaran 38 juta tan. Jumlah ini melibatkan 4.54 juta tan karbon dioksida setara (*carbon dioxide equivalent* - CO<sub>2</sub>e) melalui kaedah kecekapan tenaga dan 19.0 juta tan CO<sub>2</sub>e melalui kaedah tenaga boleh diperbaharui. Manakala penggunaan kertas kitaran semula dari punca-punca tempatan oleh syarikat-syarikat perusahaan produk kertas di Malaysia kini melebihi 1.59 juta tan setahun. Seandainya kertas ini tidak dikitaran semula dan sebaliknya dihantar ke tapak pelupusan sisa pepejal, ia berkemampuan menjana GHG dalam bentuk metana yang berjumlah lebih daripada 6,187,200 tan CO<sub>2</sub>e.

Sebagai strategi menangani perubahan iklim dalam jangka masa

panjang, Kerajaan telah meluluskan satu *Road Map* yang komprehensif dan terperinci. *Road Map* ini telah mengenal pasti potensi pengurangan pelepasan GHG yang dianggarkan sebanyak 108.89 juta tan CO<sub>2</sub>eq dengan pecahan peratusan daripada setiap sektor seperti berikut:

- i. sektor tenaga sebanyak 64.71 juta tan CO<sub>2</sub>eq (59.4%);
- ii. sektor pembuangan sebanyak 35.2 juta tan CO<sub>2</sub>eq (32.3%);
- iii. sektor LULUCF sebanyak 3.6 juta tan CO<sub>2</sub>eq (3.3%);
- iv. sektor pertanian sebanyak 4.25 juta tan CO<sub>2</sub>eq (3.9%); dan
- v. sektor proses industri sebanyak 1.13 juta tan CO<sub>2</sub>eq (1.1 %).

Berhubung dengan pengurangan karbon disebabkan oleh pemasaran kenderaan yang berkaitan dengan sektor pengangkutan, Kerajaan telah mengenalpasti sektor tersebut sebagai sebahagian daripada *Road Map* yang sedang diambil kira dalam pembentukan Dasar Automotif Negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 14

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)**

**TARIKH**

**3 Oktober 2011 (Isnin)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR** minta **MENTERI**

**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah justifikasi Kementerian melanjutkan tempoh konsesi BERNAS setelah tamat tempoh pada Januari 2011. Adakah BERNAS berjaya melaksanakan obligasi sepertimana yang termaktub dalam perjanjian privatisasi terutama sekali isu '*stockpile*', peningkatan pengeluaran padi dan apakah usaha BERNAS bagi memastikan kestabilan harga '*price stability*' serta nyatakan hasil kajian Kementerian terhadap pencapaian dan kemajuan BERNAS selama 15 tahun dan memenuhi perjanjian privatisasi.

**JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Jemaah Menteri pada 18 Mac 2011 telah bersetuju supaya perjanjian penswastan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dilanjutkan untuk tempoh 10 tahun lagi iaitu dari 11 Januari 2011 hingga 10 Januari 2021. Penyambungan tempoh perjanjian penswastan BERNAS adalah berasaskan BERNAS telah melaksanakan semua obligasi sosial seperti yang diperuntukkan di dalam perjanjian penswastan terdahulu, memberi penjaminan kos kepada Kerajaan dalam menguruskan obligasi sosial tersebut dan BERNAS mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh,

berpengalaman, memiliki infrastruktur dan kewujudan dalam setiap rantaian industri serta syer pasaran.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Syarikat Perunding KPMG dan *Malaysian Institute of Economic* (MIER) mendapati BERNAS telah melaksanakan obligasi sosial yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Antara obligasi sosial yang telah dilaksanakan oleh BERNAS adalah:

- i) mengurus dan mengekalkan stok penimbal negara sebanyak 292,000 tan metrik pada setiap masa;
- ii) mengurus semua Pusat Pembelian Padi;
- iii) menjadi Pembeli Terakhir Padi pada Harga Minimum Terjamin iaitu RM750 tan metrik;
- iv) menguruskan Skim Subsidi Harga Padi; dan
- v) menguruskan Skim Kilang-Kilang Bumiputera.

BERNAS juga telah dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas utama untuk melindungi kepentingan pengguna seperti:

- i) memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil;
- ii) memastikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi; dan
- iii) memastikan kualiti dan gred beras mematuhi peruntukan akta dan peraturan yang telah ditetapkan.





NO.SOALAN : 15

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DARIPADA**

**DATUK SERI PANGLIMA  
ABDUL GHAPUR BIN  
HAJI SALLEH  
(KALABAKAN)**

**TARIKH**

**3 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian sudah berpuas hati dengan prestasi penyampaian (*delivery system*) Kerajaan.

**JAWAPAN:** (YB Senator Dato' Palanivel a/l K.Govindasamy,)

Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan usaha untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) Kerajaan mengikut perkembangan semasa supaya ianya dapat memanfaatkan rakyat dan komuniti perniagaan.

Antara pembaharuan-pembaharuan yang telah dilakukan dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan (*delivery*

**NO.SOALAN : 16**

system) Kerajaan adalah seperti berikut:

### **Memacu Daya Saing Negara:**

Kemampuan negara untuk berdaya saing dinilai oleh indeks penarafan global dalam satu persaingan yang sengit antara ekonomi-ekonomi dunia. Laporan penarafan daya saing *World Competitiveness Yearbook* oleh *Institute for Management Development* (IMD), *Global Competitiveness Report* oleh *World Economic Forum* (WEF) dan *Doing Business* oleh *World Bank Report* (WBR) merupakan antara dokumen yang sering dirujuk oleh pelabur dalam menganalisis negara yang berpotensi untuk dijadikan destinasi pelaburan. Berdasarkan laporan *Global Competitiveness Report* yang dikeluarkan oleh WEF, Malaysia berjaya melonjakkan kedudukannya ke tempat ke-21 pada tahun 2011 berbanding dengan tempat ke-26 pada tahun 2010. Lonjakan besar ini memberi gambaran peranan penting sektor awam dalam meletakkan negara di landasan yang betul menuju ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang dihasratkan melalui Model Baru Ekonomi (MBE). Laporan *Doing Business* oleh Bank Dunia turut menyaksikan kedudukan Malaysia naik daripada kedudukan ke-23 kepada kedudukan ke-21. Pencapaian cemerlang negara dalam penarafan oleh IMD dan WBR ini juga sebenarnya banyak dibantu oleh usaha penggalakan kerjasama strategik antara

sektor awam dan swasta serta inisiatif-inisiatif di bawah Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH). PEMUDAH merupakan satu pasukan petugas khas yang ditubuhkan untuk memudahcara perniagaan di Malaysia dan untuk meningkatkan daya saing negara melalui kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta. PEMUDAH merupakan inisiatif perkongsian bistari (*smart partnership*) di antara sektor awam dan sektor swasta yang berjaya menghasilkan beberapa pembaharuan dan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan menambah baik sistem dan prosedur sedia ada dan tempoh pengurusan. Sebagai contoh pemerbadanan syarikat telah dipendekkan kepada 1 hari manakala bagi pendaftaran perniagaan tempoh yang diambil hanya 1 jam. Penambahbaikan ini jelas membantu pertumbuhan ekonomi dengan memudahkan komuniti peniaga dalam urusan perniagaan. Natijahnya, fenomena ini mula memberi dimensi baharu ke atas

penilaian yang dijalankan oleh badan penarafan bebas tersebut ke atas Malaysia.

### **Mengurangkan Kerenah Birokrasi:**

Sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan kerenah

birokrasi, Kerajaan telah memperkenalkan konsep perekaayaan proses dan prosedur kerja atau *Business Process Reengineering* (BPR) yang bertujuan untuk menambah baik proses dan prosedur kerja bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Contoh hasil kejayaan BPR adalah seperti proses pengagihan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah dipendekkan dari 306 hari kepada 125 hari sahaja; Proses permohonan lesen Cukai Perkhidmatan secara online (e-Lesen) oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) telah dipendekkan dari tiga (3) hari kepada satu (1) hari sahaja; Rombakan besar Majlis Daerah Tanjung Malim dalam memendekkan tempoh proses pengeluaran lesen-lesen bagi kategori Perniagaan Tidak Berisiko dari 21 hari kepada satu (1) hari sahaja; Proses Pembaharuan Sijil Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari 38 hari kepada tujuh (7) hari sahaja;

Penambahbaikan ke atas kawalan Lesen Runcit Komposit Barang Kawalan Berjadual oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; Sistem *e-Filing* oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri; Pengurangan tempoh masa memproses bagi 24 jenis permohonan Institut

Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) oleh Kementerian Pengajian Tinggi; dan Penyediaan kiosk untuk aduan secara *online* oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Selain khidmat rundingan BPR ke atas jabatan/agensi, MAMPU juga telah menerbitkan buku seperti "*Guidebook Getting Started Private Higher Education Institution (PHEI) Business In Malaysia*"; "*Guidebook Doing ICT Business in Malaysia*"; dan "*Guidebook Getting Started Hotel Business In Malaysia*" bagi membantu komuniti perniagaan dalam dan luar negara dalam memudahkan urusan pendaftaran perniagaan tersebut. Dari aspek analisis terhadap laporan Biro Pengaduan Awam (BPA), ia jelas menunjukkan peratusan bilangan aduan yang diselesaikan adalah tinggi. Misalnya bagi tahun 2009, daripada 12,683 aduan yang diterima, sebanyak 12,376 iaitu bersamaan 97.6 peratus telah berjaya diselesaikan. Kejayaan-kejayaan di atas adalah petunjuk bahawa karenah birokrasi sedang ditangani secara serius oleh kakitangan Kerajaan dan *trend* peningkatan bilangan aduan yang diterima pada masa hadapan juga akan terus dikurangkan melalui pengenalan inisiatif-inisiatif BPR dan inovasi prosedur kerja di agensi-agensi Kerajaan agar karenah birokrasi ini dapat ditinggalkan sebagai lipatan sejarah silam. Bagi

memperkukuhkan urusan masyarakat perniagaan khususnya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan sistem aplikasi MyCoID. Aplikasi sistem tersebut melibatkan lima (5) agensi utama Kerajaan iaitu, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Perbadanan Sumber Manusia Malaysia Berhad (PSMB) dan SMECorp. Menerusi sistem MyCoID, maklumat syarikat baru yang didaftarkan dengan SSM akan dapat diakses terus oleh lima agensi berkenaan. Pihak agensi Kerajaan lainnya dan swasta akan berupaya melaksanakan sebarang urusan dengan lima agensi terbabit melalui rujukan korporat MyCoID sejak dilancarkan pada November 2010.

**(iii) Memperkasakan Penggunaan ICT:**

Selaras dengan dasar Kerajaan iaitu *'No Wrong Door'*, keseluruhan jabatan/agensi kini terarah kepada perkhidmatan maya (*virtual service*) yang cekap, berkualiti, selamat dan mesra pengguna (*user friendly*). Hasrat ini sedang dilaksanakan menerusi beberapa projek seperti: Projek *Government to Citizen* (G2C); Projek *Government to Business* (G2B); dan Projek *Government to Government* (G2G). Matlamat utama

pemeriksaan inisiatif ICT adalah bagi meningkatkan jumlah penyediaan dan capaian perkhidmatan *online* bagi memudahkan pengguna berurusan dengan jabatan/agensi Kerajaan serta menjadi *strategic tool* bagi jabatan/agensi Kerajaan untuk berkomunikasi antara Kerajaan dan orang ramai serta masyarakat perniagaan dalam mempromosikan perkhidmatan Kerajaan. Di antara inisiatif-inisiatif ICT yang memberi impak tinggi kepada rakyat dan ekonomi adalah seperti Portal Perkhidmatan Awam, Gerbang SMS Kerajaan (mySMS 15888), myGovXchange, *Public Sector Digital Dashboard* (PSDD), Sistem MyMeeting, My Workspace, Sistem eRating dan Sistem eSurvey.

**(iv) Program Transformasi Kerajaan (GTP):**

Sejak bulan April 2009, selaras dengan Gagasan 1 Malaysia, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” kerajaan telah juga memulakan Program Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Programme* atau GTP) dengan menggunakan kaedah pengurusan pencapaian (*performance management*) yang baru dan berkesan seperti Makmal Pengurusan (*Management Labs*) dan Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Index (KPI). Enam (6) bidang



Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas* (NKRA) telah dikenalpasti sebagai bidang yang dianggap amat penting untuk faedah rakyat dan untuk menegak keutuhan dan keberkesanan kerajaan, iaitu, mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan prasarana luar bandar, meningkatkan taraf hidup isirumah berpendapatan rendah dan meningkatkan pengangkutan awam bandaraya.

Sejak pelaksanaan dimulakan pada bulan Oktober 2009, GTP telah dapat menghasilkan beberapa kejayaan dalam semua bidang NKRA. Misalnya, kadar jenayah telah menurun dengan nyatanya iaitu sebanyak 9.6% dari bulan Januari hingga Jun 2011, berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010. Kejadian jenayah jalanan secara keseluruhannya juga telah menurun ke 11,299 kes dari bulan Januari sehingga Jun 2011, berbanding 19,346 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 iaitu pengurangan sebanyak 41.6%. Bagi bidang keberhasilan peningkatan kualiti pendidikan pula sasaran pencapaian celik huruf sebanyak 95% menjelang akhir tahun 2011 telahpun dipenuhi 90% sehingga bulan Jun ini, dan ini memberi ruang untuk

pertumbuhan peratusan yang lebih besar berbanding dengan sasaran tahunan yang telah ditetapkan. Kemudahan prasarana luar bandar seperti jalan, bekalan elektrik dan air telah diperbanyakkan. Sehingga bulan Jun 2011, 474.41 KM jalan luar bandar di seluruh negara telah dibina, di mana ia merupakan pencapaian sebanyak 52% daripada sasaran tahun 2011. Kemajuan bagi penyediaan bekalan air dan elektrik juga berkembang dengan baik dengan 12,004 dan 2,906 isi rumah masing-masing telah diberi bekalan air dan elektrik.

Selain daripada itu, sebanyak 2,567 unit perumahan telah dibina atau diubahsuai sehingga bulan Jun 2011.

Kerajaan akan terus berusaha gigih, dengan menggunakan kaedah pengurusan dan teknologi yang bersesuaian untuk terus meningkatkan lagi mutu system penyampaian sektor awam supaya lebih responsive serta dapat memenuhi kehendak rakyat jelata.

No. Soalan : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

TARIKH 3 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa orangkah yang telah ditawarkan perlindungan di bawah *Whistleblower Protection Act* dan *Witness Protection Act* semenjak ia dikuatkuasakan dan agensi penguatkuasaan yang mana telah menggunakannya.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sejak Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010, sebanyak 4 perlindungan telah diberi oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan 2 perlindungan diberi oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Agensi-agensi penguatkuasaan yang lain iaitu Jabatan

**JAWAPAN : YB. DATO<sup>5</sup> SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia belum mempunyai pemberi maklumat yang layak diberikan perlindungan.

Pada masa ini, akta ini telah digunapakai oleh agensi penguatkuasaan utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), SPRM, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di samping Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Walau bagaimanapun, hanya SPRM sahaja telah mengunapakai akta tersebut di semua cawangan/ negeri manakala agensi lain menggunakan di peringkat ibu pejabat dan sedang membuat perancangan latihan kepada pegawai penguatkuasa di semua peringkat.

Bagi Akta Perlindungan Saksi 2009 yang telah dikuatkuasakan mulai 15 April 2010 secara khusus dipertanggungjawabkan kepada Unit Perlindungan Saksi, Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakannya. Semenjak penguatkuasaan Akta ini dan pelaksanaan Program Perlindungan Saksi, sebanyak 4 saksi telah menggunakan perkhidmatan perlindungan saksi yang dilaksanakan oleh Unit Perlindungan Saksi.

Sehingga kini, sebanyak dua agensi penguatkuasaan telah menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Perlindungan Saksi, Jabatan Perdana Menteri. Jabatan-jabatan tersebut adalah Polis Diraja Malaysia

(PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Selain itu, terdapat juga kes di mana saksi sendiri yang membuat permohonan dan telah diberikan perlindungan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATUK AZALINA BINTI OTHMAN**  
**[ Pengerang - BN ]**

TARIKH **3 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 17**

**Datuk Azalina binti Othman [ Pengerang - BN ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam mempromosikan Sukan Massa berbanding Sukan Prestasi Tinggi sebagai usaha untuk meningkatkan aspek kecergasan dalam mewujudkan masyarakat yang Berbudaya Sukan.

## **JAWAPAN**

1. Pembentukan masyarakat yang berbudaya sukan dan mengamalkan aktiviti bersukan sebagai satu gaya hidup yang aktif merupakan tanggungjawab semua pihak dan bukannya diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sepenuhnya. Dalam hubungan ini kerjasama daripada semua pihak, termasuk Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pelajaran Tinggi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta dan masyarakat amatlah diperlukan. Kementerian Belia dan Sukan juga pada tahun 2009 dengan kerjasama daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan kajian mengenai penglibatan rakyat Malaysia dalam kegiatan riadah dan aktiviti bersukan. Dapatan kajian mendapati hanya 32.4 % sahaja daripada populasi rakyat negara ini yang melibatkan diri dalam aktiviti bersukan. Dapatan yang diperolehi ini adalah rendah jika dibandingkan dengan beberapa buah negara maju yang lain seperti Australia dan Kanada di mana lebih daripada 50% rakyat Australia dan Kanada melibatkan diri secara aktif dengan kegiatan riadah dan aktiviti bersukan.
2. Dalam usaha untuk membudayakan sukan di kalangan rakyat negara ini, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan beberapa program Sukan Untuk Semua yang dibahagikan kepada enam (6) aktiviti utama, iaitu Penggalakan Sukan, Sukan Rekreasi, Sukan Bermotor, Sukan Minoriti, Kemajuan Sukan dan Kecergasan Nasional. Bagi tahun 2011, sebanyak 1,336 program dengan penyertaan seramai 534, 564 orang dari seluruh negara telah berjaya dilaksanakan.

## **SULIT**

3. Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan juga telah menyediakan pelbagai kemudahan sukan di seluruh negara. Ini termasuklah pembinaan sebagai 1,100 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia, 90 buah Gym 1 Malaysia, 9 buah Kompleks Sukan Komuniti, 16 buah Kompleks Rakan Muda dan 2 buah Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara. Justeru, bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat negara ini, maka Kementerian Belia dan Sukan telah meletakkan sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 40% daripada rakyat negara ini mengamalkan aktiviti bersukan menjelang tahun 2015.

fao ' AtCA/u ;

**NOrAtfM-16-**

TJO. AuP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**DARIPADA**

**3 OKTOBER 2011**

**TARIKH**

**4330**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kecelaruan yang disebabkan oleh cara Kerajaan menangani perhimpunan Bersih 2.0 yang menuntut pilihan raya bebas dan adil pada 9 Julai yang telah menampilkan kepada rakyat Malaysia dan dunia bahawa Malaysia mempunyai satu Kerajaan yang tidak demokratik dan zalim.





**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah berjaya menangani perhimpunan haram BERSIH pada 9 Julai 2011 dengan baik dan berhemah. Kerajaan amat prihatin terhadap suara rakyat yang ingin kebebasan untuk berhimpun dan bersuara. Walau bagaimanapun, kebebasan ini perlu diseimbangkan dengan kewajipan Kerajaan untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Penyalahgunaan kebebasan bersuara dan berhimpun seperti mengadakan demonstrasi jalanan sehingga menimbulkan kegelisahan dan ketegangan dalam masyarakat dan boleh menggugat keselamatan negara seharusnya dielakkan.

Dalam hal ini, kerajaan sedang meneliti beberapa perundangan negara-negara lain yang berkaitan dengan sebarang bentuk perhimpunan di kawasan yang melibatkan keselamatan awam. Langkah ini adalah sebahagian daripada proses transformasi dan keterbukaan yang sedang dan akan terus dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]  
**TARIKH** 3 Oktober 2011 (Isnin)

**SOALAN** : Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta  
**PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian KPI bagi setiap Kementerian pada masa ini dan apakah tindakan diambil terhadap

## NO. SOALAN: 6

Kementerian yang gagal mencapai KPI.

### **JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)**

Dalam konteks pelaksanaan sepenuhnya Program Transformasi Kerajaan (GTP) sejak Januari 2010, tumpuan diberi terhadap enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diketuai oleh enam ahli Jemaah Menteri sebagai Menteri Peneraju atau *Lead Ministers*. Kebanyakan dari menteri-menteri yang lain juga terlibat sebagai menteri penyokong atau *supporting ministers* untuk menyokong, membantu dan bekerjasama supaya mencapai sinergi. Mulai bulan Julai tahun ini telah ditambah lagi satu NKRA yang ke-7 untuk menangani kos hidup yang kian meningkat dan diterajui oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Di samping Menteri Peneraju, tiap-tiap anggota Jemaah Menteri juga dipertanggungjawabkan terhadap Bidang Keberhasilan Utama Menteri atau *Ministerial Key Result Areas (M-KRA) masing-masing* dengan adanya **Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama Menteri** atau *Ministerial Key Performance Indicators (M-KPI)*.

Sebagai permulaan, pada penghujung tahun 2009, sebanyak 77 M-KRA dengan 264 M-KPI telah dikenalpasti dan disasarkan. Namun demikian, selepas pelaksanaan dan perundingan sepanjang tahun 2010, 261 M-KPI telah dikenalpasti untuk diukur sebagai tahap I pada penghujung tahun 2010. Didapati bahawa 241 M-KPI atau 92.3% telah mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan. Kesemuanya 22 kementerian telah "lulus" dengan skor prestasi sekurang-kurangnya 71%.

Walau bagaimanapun, selepas Program Transformasi Ekonomi (ETP) dilaksanakan mulai Oktober 2010, 13 menteri dipertanggungjawab untuk menjadi menteri peneraju tunggal atau menteri peneraju bersama bagi 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Nasional (NKEA) dengan adanya KPI-KPI yang berkenaan. Oleh itu, KPI setiap menteri telah dijajar semula (re-aligned) supaya mengambilkira apa yang diperlukan di bawah NKEA dengan apa yang dikenalpasti di bawah MKRA-MKRA di bawah GTP pada asalnya.

Prestasi kesemua M-KRA dan M-KPI di bawah setiap kementerian sentiasa dipantau rapi oleh Menteri sendiri dengan bantuan PEMANDU. PEMANDU akan berusaha memastikan penyelarasan di antara agensi-agensi dapat dipertingkatkan, terutamanya di mana terdapatnya saling kebergantungan (*inter-dependance*) di antara agensi-agensi yang berkenaan. Bagi kementerian yang tidak menepati sasaran KPI yang tertentu, Menteri dan pegawai-pegawai yang berkenaan dikehendaki mengenal pasti punca-punca masalah dan menerokai kaedah-kaedah penyelesaian yang kreatif agar KPI yang berkenaan dapat dicapai pada tahun berikutnya.

Proses penilaian ini bukanlah untuk menghukum seolah-olahnya, sebaliknya bertujuan memfokuskan usaha terhadap memberi panduan dan bantuan sewajarnya, serta mengubahsuai prosedur agar dapat mengatasi sebarang rintangan dan meningkatkan hasil penyampaian. Penilaian prestasi M-KPI bagi setiap ahli Jemaah Menteri dibuat sendiri oleh YAB Perdana Menteri dalam pertemuan empat-mata yang akan diadakan pada atau sebelum awal tahun 2012. Prestasi keseluruhan MKPI untuk tahun 2011 akan disertakan dalam Laporan Tahunan GTP yang akan dikeluarkan pada suku pertama tahun 2012.

Malaysia sememangnya merupakan satu-satunya negara yang telah mengambil langkah untuk memperkasakan pengurusan prestasi pentadbiran Kerajaan Persekutuan berlandaskan kaedah KPI untuk anggota-anggota Jemaah Menteri dan perkhidmatan awam pada umumnya. Ini sesungguhnya mencerminkan komitmen Kerajaan Persekutuan kepada rakyat untuk meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, selaras dengan cogan kata "Rakyat Didahulukan, Pencapaian DiUtamakan".

**SOALAN NO: 69**

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN : Dato' Ismail bin Kasim [Arau]  
DARIPADA : 3 Oktober 2011 (Isnin)  
TARIKH : Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI PERTANIAN  
SOALAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perancangan  
Kementerian bagi melaksanakan program tanaman  
bersepadu (*integrated farming*) di negara ini seperti yang  
dilakukan oleh petani di negara - negara maju untuk  
mempelbagaikan hasil pertanian dan meningkatkan  
pendapatan golongan petani.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian menggalakkan tanaman bersepadu (*integrated cropping*) bagi kawasan kelapa, kelapa sawit dan getah. Melalui projek Tanam Semula Kelapa dan juga Projek Pemulihan Kelapa, pengusaha digalakkan menanam tanaman lain secara selingan seperti kopi, koko, salak, pisang, tembikai, nanas, jagung, tebu, herba dan rempah ratus. Selain tanaman, petani juga digalakkan memelihara lebah madu di kawasan yang sama.

Pihak MARDI juga telah menggariskan beberapa contoh model tanaman bercampur yang boleh membantu pekebun kecil kelapa meningkatkan pendapatan mereka. Anggaran pendapatan bagi tanaman kelapa adalah kira-kira RM5,900/ha/tahun. Apabila tanaman bersepadu diusahakan, pekebun boleh mendapat tambahan pendapatan sekitar RM5,000 hingga RM9,000 mengikut gabungan tanaman-tanaman bercampur yang diamalkan.

Di bawah Program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA - Pertanian), penekanan khusus diberikan bagi pengeluaran makanan secara integrasi di kawasan kelapa sawit dan getah dengan tanaman seperti pisang, nanas dan sayur- sayuran.

Selain itu, terdapat juga projek pertanian bersepadu (*integrated farming*) yang melibatkan campuran tanaman dengan ternakan seperti Program Integrasi Ternakan Ruminan dengan Tanaman Kekal (PINTAR) dan Projek Pusat Fidlot Nasional (PFN) di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Program ini dapat menjimatkan kos makanan lembu dan meningkatkan keluasan kawasan pemeliharaan lembu. Di Bawah Program Tranformasi Ekonomi pula, penternakan bersepadu ini menjadi salah satu projek permulaan untuk memperluaskan kawasan penternakan sehingga 1.2 juta hektar dan dapat meningkatkan bilangan lembu sehingga 300,000 ekor menjelang 2020.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK WEE JECK SENG

[ TANJONG PIAI ]

TARIKH 3 OKTOBER 2011 (ISNIN)

**JAWAPAN:**

**SOALAN**

YB Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan bagaimana Kerajaan membantu ibu tunggal untuk

mengurangkan beban sara hidup terutamanya pada waktu inflasi ini.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal dalam menyara kehidupan keluarga mereka. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai beberapa skim dan program untuk membantu golongan ibu tunggal.

Sebagai contoh, JKM turut mengagihkan bantuan kebajikan masyarakat kepada ibu tunggal di bawah skim Bantuan Kanak-kanak (BKK). Bantuan ini bertujuan menampung persekolahan anak-anak ibu tunggal yang berusia bawah 18 tahun agar mereka tidak tercicir daripada mendapat

**JAWAPAN:**

pendidikan. Bagi tahun 2010, sebanyak RM147.2 juta telah disalurkan kepada 98,846 orang anak ibu tunggal. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011 sebanyak RM45.89 juta disalurkan kepada 43,316 orang anak ibu tunggal menerusi skim ini.



Selain itu, JKM menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim Bantuan Am. Bagi tahun 2010, sebanyak RM42.3 juta telah disalurkan kepada 22,611 keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim ini. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, sebanyak 39,270 keluarga ibu tunggal miskin telah menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM11.14 juta.

Penerima bantuan JKM juga digalakkan untuk berusaha memperbaiki tahap sosioekonomi mereka dan tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebajikan. Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran disediakan untuk penerima bantuan termasuk ibu tunggal yang ingin menjalankan perniagaan bagi menjana pendapatan. Pada tahun 2010, sebanyak RM596,515 telah disalurkan kepada 244 orang ibu tunggal. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, sejumlah RM110,270 telah disalurkan kepada 49 orang ibu tunggal sebagai modal permulaan untuk menjalankan perniagaan.

Menerusi JPW, KPWKM menjalankan program pengupayaan sosioekonomi ibu tunggal di bawah aktiviti keusahawanan atau lebih dikenali sebagai

Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT). Dalam hal ini JPW menjalankan program keusahawanan dalam bidang komersil seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri, kraftangan, asuhan kanak-kanak, penyediaan makanan dan pelancongan bagi melatih mereka menjadi usahawan yang berjaya. Program ini dilaksanakan di seluruh negara melalui latihan kemahiran dan pendidikan asas keusahawanan.

Bermodalkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan bimbingan yang diperolehi melalui program ini, peserta program dapat menjana pendapatan melalui perniagaan yang dijalankan sama ada di rumah mahu pun di premis-premis perniagaan. Program I-KIT telah dimulakan pada tahun 2008, dan sehingga Ogos 2011 seramai 2,453 orang ibu tunggal telah mengikuti program yang dijalankan di mana 275 daripada jumlah tersebut telah berjaya menjalankan perniagaan ataupun mendapat kerjaya berdasarkan kemahiran yang diperolehi.

Selain itu, JPW juga melaksanakan program pemerkasaan ibu tunggal yang berorientasikan seminar, forum dan bengkel seperti peningkatan sendiri, penjagaan kesihatan dan kepimpinan bagi membangunkan kapasiti wanita,

termasuk ibu-ibu tunggal agar mereka mempunyai tahap keyakinan yang lebih tinggi dan bermotivasi untuk mencapai kejayaan serta menikmati kehidupan yang lebih baik.

Sehubungan itu, Pihak KPWKM dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah berjaya menjalankan sebanyak 23 program pembangunan wanita dengan peruntukan sebanyak RM426,660.00. Program ini mampu memberi manfaat dan faedah kepada ibu-ibu tunggal di seluruh negara dari tahun 2005 hingga 2011.



## SOALAN 22

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU (BUKIT KATIL)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>3 OKTOBER 2011</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Meminta MENTERI</b>
<b>NYATA</b>	<b>PELANCONGAN menyatakan:</b>

Pencapaian dan kemajuan program Homestay semenjak ia dilancarkan mengikut negeri-negeri. Berapa banyak kos yang telah dibelanjakan bagi membangunkan program ini dan sejauh mana program ini memberikan impak ekonomi kepada pengusaha dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Katil, Pengalaman Homestay Malaysia merupakan salah satu produk pelancongan yang berpotensi tinggi untuk menarik ramai pelancong ke Malaysia dengan menawarkan satu bentuk pengalaman yang unik daripada aspek kebudayaan dan gaya hidup masyarakat kampung. Selain dari itu, program ini juga bermatlamat untuk berkongsi pendapatan industri pelancongan dengan masyarakat kampung dan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar.

Sehingga 31 Ogos 2011, Kementerian Pelancongan telah mendaftarkan sebanyak 148 buah Homestay di seluruh negara yang melibatkan 3,155 pengusaha Homestay dan menawarkan sebanyak 4,210 buah bilik kepada para pelancong.

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengusaha Homestay, Kementerian Pelancongan telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi

Tuan Yang di-Pertua,

membangunkan Program Homestay di Malaysia seperti berikut:-

- i. Di bawah RMKe-9, sebanyak RM25.273 juta telah dibelanjakan untuk menaik taraf kemudahan awam serba guna di perkampungan Homestay yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Sebanyak 134 Homestay yang merangkumi seramai 2,918 pengusaha telah mendapat manfaat daripada peruntukan ini. Di antara bentuk kemudahan pelancong yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan adalah seperti dewan orang ramai, jalan masuk ke Homestay, papan tanda, gelanggang permainan serta landskap persekitaran perkampungan Homestay;
- ii. Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM10 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Homestay 2009 bagi perbelanjaan mengurus. Ia merangkumi perbelanjaan komponen-komponen utama dalam membangunkan Program Homestay seperti menyediakan program latihan kemahiran dan kursus, penganjuran program dan aktiviti

serta menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran.

Aktiviti-aktiviti promosi Program Homestay ini termasuk:-

- a) Misi Promosi Homestay ke Korea dari 17 hingga 27 November 2009 dan Misi Promosi Homestay ke Jepun dari 18 November hingga 2 Disember 2009;
  - b) Menghasilkan video homestay dan brosur-brosur Homestay setiap negeri;
  - c) Menyertai Pameran Homestay di Malaysia Travel Fair, Singapura dari 16 hingga 18 November 2009;
  - d) Memasang *billboard* dan *wall banner* di seluruh negara untuk mempromosikan Homestay; dan
  - e) Melaksanakan FAM Trip ke Homestay yang dihadiri oleh pihak media dan duta-duta luar negara di Malaysia.
- iii. Selain itu, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Homestay bagi perbelanjaan pembangunan pula, sebanyak **RM7.848 juta** juga telah dibelanjakan bagi tahun 2009 hingga 2010 untuk projek menaik taraf kemudahan infrastruktur gunasama Homestay di seluruh Malaysia.



Tuan Yang Dipertua,  
Sejak ia dilancarkan pada 1995, pelaksanaan “Pengalaman Homestay Malaysia” ini dilihat terbukti memberi kesan yang positif terhadap industri pelancongan negara dan masyarakat luar bandar berdasarkan laporan prestasi Program Homestay yang telah dicapai pada tahun 2009 hingga 2010.

Jumlah pendapatan keseluruhan Homestay pada tahun 2010 telah meningkat sebanyak **13.6%** iaitu **RM12.4 juta**, berbanding **RM10.9 juta** bagi tahun 2009. Manakala jumlah kedatangan pelancong ke Homestay pada tahun 2010 pula telah meningkat sebanyak 21.6% iaitu dengan jumlah keseluruhan seramai **196,472 orang pelancong**, berbanding pada tahun 2009 di mana jumlah keseluruhan adalah seramai **161,561 orang pelancong**. Kemajuan pendaftaran program Homestay bagi tahun 2009 sehingga Julai 2011 mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:-

- i. Perlis - 3 Homestay (56 buah rumah/pengusaha);
- ii. Kedah -14 Homestay (296 buah rumah/pengusaha);
- iii. Pulau Pinang- 9 Homestay (200 buah rumah/pengusaha);
- iv. Perak - 6 Homestay (231 buah rumah/pengusaha);
- v. Selangor -15 Homestay (458 buah rumah/pengusaha);

- vi. Melaka - 7 Homestay (118 buah rumah/pengusaha);
- vii. Negeri Sembilan -8 Homestay  
(220 buah rumah/pengusaha);
- viii. Johor -15 Homestay (464 buah rumah/pengusaha);
- ix. Kelantan - 6 Homestay (133 buah rumah/pengusaha);
- x. Terengganu -6 Homestay (104  
buah rumah/pengusaha);
- xi. Pahang -14 Homestay (249 buah rumah/pengusaha);
- xii. Sarawak - 26 Homestay (353 buah rumah/pengusaha);
- xiii. Sabah -16 Homestay (194 buah rumah/pengusaha); dan
- xiv. Labuan - 3 Homestay (79 buah rumah/pengusaha);

Kementerian Pelancongan komited untuk membangunkan Pengalaman Homestay Malaysia bagi memastikan masyarakat luar bandar bersama-sama melibatkan diri dan dapat menikmati faedah daripada industri pelancongan negara.

**SOALAN NO: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>30OKT0BER 2011 (ISNIN)</b>

**SOALAN**

**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:

(a) status pembangunan jaringan internet (WIFI) seluruh kampung di Labuan memandangkan kampung-kampung di negeri-negeri lain di Malaysia telah pun mendapat akses kepada internet.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan projek Kampung Tanpa Wayar (KTW) bagi menyediakan kemudahan jaringan Internet menggunakan WiFi di seluruh negara. Pelaksanaan projek tersebut dilakukan secara berperingkat



sehingga penghujung tahun 2012. Sehingga 22 September 2011,  
1, 408 kampung di seluruh negara menikmati KTW. **SOALAN NO: 23**

Sebanyak 9 buah kampung di Labuan telah dikenalpasti untuk pelaksanaan projek KTW iaitu:

- i) Kampung Layang-layangan;
- ii) Kampung Lajau;
- iii) Kampung Durian Tunjung;
- iv) Kampung Sungai Labu;
- v) Sungai Lada;
- vi) Timbalai;
- vii) Pulau Layang-layang;
- viii) Kampung Bebuloh; dan
- ix) Sungai Bangat.

Pelaksanaan tersebut dijangka akan dimulakan pada suku ke-4 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS TAHUN 2011**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH  
BINTI ABD. RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 3 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**SOALAN : 24**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi musim kemarau yang melanda kawasan pedalaman Sarawak terutama sekali Pulau Buit setiap tahun sehingga lebih 12,000 penduduk-penduduknya menderita kerana langsung tidak mempunyai sebarang air untuk diminum.

**Jawoan:**

**Tuan yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah jangkamasa panjang yang telah diambil oleh Kementerian ini bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) ialah dengan meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dari Tanjung Manis ke Pulau Brait dan penyambungan paip retikulasi ke Kg. Saaie, Kg. Semup, Kg. Penibong, Kg. Betanak, Kg. Penuai, Kg. Salah Kecil, Kg. Sebakau, Kg. Petanak Ulu dan Rh Juing. Kerja-kerja penyambungan paip ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir November 2011.

Manakala pemasangan paip ke Kg. Brait & Kg. Tekajong pula dijangka siap pada akhir Ogos 2012. Projek ini dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih 12,000 orang penduduk di Pulau Brait dan membantu rakyat di kawasan luar bandar khususnya di Pulau Brait menikmati kemudahan bekalan air bersih yang lebih sempurna.

**O. AUP :**  
\*/<r St>AcfRM' aST

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**      **LISAN**  
**DARIPADA**            **PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**TARIKH**                **03 OKTOBER 2011**  
**RUJUKAN**              **4029**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota polis, yang dikerah untuk bertugas di kawasan Lembah Klang pada 6, 7, 8 dan 9 Julai 2011. Berapa banyak elaun yang dibayar kepada mereka untuk bertugas dan perbelanjaan sepanjang operasi menghentikan Perhimpunan BERSIH.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menangani perhimpunan haram BERSIH 2.0, PDRM telah menggerakkan sejumlah pegawai dan anggota untuk penugasan keselamatan termasuk mendapatkan bantuan anggota dari Kontinjen-kontinjen seluruh negara untuk membantu Kontinjen Kuala Lumpur.

Jumlah pegawai dan anggota polis yang telah dikerah untuk bertugas



untuk menjaga keselamatan di kawasan Lembah Klang seramai 11, 046 orang termasuk seramai 2,600 orang yang dikerah untuk siap sedia di Kontinjen-kontinjen seluruh negara dan akan dipanggil jika keadaan memerlukan. Pihak PDRM juga terpaksa membuat persiapan rapi yang memerlukan perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan, makan minum, penginapan dan keperluan logistik yang lain. Kos keseluruhan yang dibelanja oleh PDRM bagi menangani perhimpunan tersebut adalah sebanyak RM 2,018,850.06.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG**

**(BATU)**

**TARIKH 03 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta PERDANA MENTERI**

menyatakan sama ada Kerajaan bercadang deklasifikasi dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tragedi yang berlaku ketika darurat

**Tuan Yang di-Pertua,**

pada tahun 1948-1960 seperti Tragedi Bukit Kepong dan Tragedi Batang Kali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tragedi yang berlaku ketika darurat pada tahun 1948-1960 seperti Tragedi Bukit Kepong dan Tragedi Batang Kali merupakan dokumen atau maklumat Rahsia Rasmi. Dokumen atau maklumat Rahsia Rasmi semasa darurat yang mempunyai nilai sejarah perlu dideklasifikasikan oleh pemula (*originator*) mengikut peraturan atau arahan semasa kerajaan sekiranya hendak dijadikan rujukan dan kajian umum. Proses deklasifikasi berkenaan yang boleh menjadikan dokumen atau maklumat berkenaan menjadi terbuka (terhenti menjadi Rahsia Rasmi) bertujuan mengelakkan eksploitasi maklumat daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memutar belitkan sejarah demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Dalam Perkara ini, Kerajaan sedia mengkaji untuk deklasifikasikan perkara ini bagi tujuan memaklumkan perkara sebenar.

Sekian. Terima kasih.

**NO · So At/kAj**  
**NOrAtHVH-27**

NOr-AVR-:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN  
[ KULIM BANDAR BARU ]  
TARIKH 3 OKTOBER 2011  
RUJUKAN 4031

SOALAN:

Dato' Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan

(a) apakah status/tindakan terkini berkaitan laporan polis oleh  
Razali dan laporan akhbar Utusan Malaysia mengenai rancangan  
pihak tertentu untuk menubuhkan sebuah negara kristian; dan

(b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap  
Church of Our Lady Fatima Brickfield dan mereka yang terlibat  
dalam kes memurtadkan Azlina Jailani @ Lina Joy.  
Tuan Yang di-Pertua,

**JAWAPAN :**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Pihak Polis telah menjalankan siasatan terhadap laporan yang dimaksudkan di bawah Seksyen 4 (1) (a) Akta Hasutan. Sebanyak enam puluh tiga (63) laporan polis telah pun dibuat. Hasil siasatan telah mendapati bahawa tiada bukti kukuh yang boleh menyokong keterangan untuk menyabitkan kesalahan kepada mana-mana individu di dalam kes ini. Kertas siasatan berkaitan kes ini telah pun dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan kes telah di NFA (*no further action*) oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Setakat ini tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak polis ke atas Church Of Our Lady Fatima Brickfield. Walau bagaimanapun semakan juga perlu dibuat dengan pihak Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Agama Islam.

**NO. SOALAN**

**: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH**

**3 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

## SOALAN

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

(a) rancangan jangka masa pendek dan panjang Kerajaan untuk membina rumah mampu milik terutamanya untuk golongan muda yang baru berumahtangga di kawasan bandar di seluruh negara; dan

(b) Adakah Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan pelaksanaan program perumahan mampu milik untuk penduduk-penduduk di luar bandar termasuk generasi kedua FELDA, kampung tradisional dan kampung baruyang menghadapi kesulitan untuk memiliki rumah.

**JAWAPAN: (YAB PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Kerajaan memahami keperluan rakyat untuk memiliki rumah dengan harga berpatutan dan berkualiti terutamanya oleh golongan muda yang baru bekerja. Untuk itu, bagi membantu golongan ini, Kerajaan telah melancarkan **Skim Rumah Pertamaku** pada bulan Mac 2011. Skim ini membolehkan golongan muda yang berusia di bawah 35 tahun dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3.000 sebulan atau

RM6,000 bagi suami dan isteri, termasuk yang baru berkahwin untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank- bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Langkah ini akan membantu golongan muda dan berpendapatan sederhana memiliki rumah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Di bawah Skim ini, pembeli bebas untuk memilih jenis dan lokasi kediaman yang ingin dimiliki dan layak untuk mendapat jaminan sekiranya memenuhi syarat- syarat yang ditetapkan. Sehingga 31 Ogos 2011, sejumlah 1,314 permohonan yang bernilai RM193.6 juta telah diterima untuk mendapatkan jaminan di bawah Skim Rumah Pertamaku. Daripada jumlah tersebut, 205 pinjaman telah diberikan jaminan dengan nilai RM29.9juta.

2. Selain itu, Kerajaan juga akan menyediakan rumah mampu milik untuk golongan muda melalui pelaksanaan projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) yang akan menyediakan perumahan berkualiti pada harga antara RM 150,000 hingga RM300,000 dan ke bawah. Pelaksanaan PR1MA akan ditumpukan di kawasan bandar dan pinggir bandar di seluruh negara. Walau bagaimanapun, buat permulaan PR1MA akan dilaksanakan di sekitar Lembah Klang di mana permintaan untuk rumah-rumah kos sederhana ini dijangka tinggi dan melebihi penawaran. Bagi melancarkan pelaksanaan PR1MA, Perbadanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia akan ditubuhkan bagi merancang dan menyelaras pembinaan projek di bawah program tersebut di seluruh negara. Perbadanan khas ini diletak di bawah Pejabat Perdana Menteri dan akan turut membuat pengagihan rumah kepada pemohon yang layak dengan telus. Pelaksanaan PR1MA akan

dapat melonjakkan pemilihan rumah untuk rakyat dan menjamin masa depan yang lebih baik kepada rakyat Malaysia.

3. Di peringkat luar bandar, Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai aspek pembangunan dan kebajikan penduduk. Ini termasuk menyediakan bekalan air dan elektrik yang sempurna serta memastikan program pembinaan perumahan dilaksanakan. Di bawah inisiatif NKRA Meningkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar, Kerajaan mensasarkan pembinaan dan penambahbaikan sebanyak 9,146 buah rumah kepada golongan miskin luar bandar. Sehingga Suku Kedua 2011, sebanyak 2,567 rumah telah siap yang melibatkan 624 buah rumah di Sabah, 739 buah rumah di Sarawak dan 1,204 buah rumah di Semenanjung Malaysia.
4. Di samping itu, padatahun 2011, Kerajaan akan melaksanakan program bantuan rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar dengan peruntukan sebanyak RM300 juta. Program ini melibatkan pembinaan dan baik pulih hampir 12 ribu unit rumah di seluruh negara terutamanya di Sabah dan Sarawak.
5. Kerajaan juga melalui FELDA telah membina projek **Perumahan Warga FELDA (PWF)** bagi membantu generasi peneroka memiliki rumah yang selesa dan sempurna, di samping membangunkan perkampungan FELDA secara teratur, tersusun serta lengkap dengan segala keperluan asas. Sejak 2006 sehingga September 2011, sebanyak lima (5) projek PWF telah siap dilaksanakan iaitu Taman Mempaga Utama, Taman Bukit Goh Perdana, Taman Lepar Hilir Saujana, Taman Desa Keratong Indah di Pahang dan Taman Pasak

Indah di Johor yang melibatkan pembinaan Rumah Kos Rendah sebanyak 1,305 unit dan Rumah Kos Sederhana Rendah sebanyak 785 unit.

6. Pada masakini, sebanyak enam (6) projek PWF sedang dilaksanakan iaitu PWF Triang 3, PWF Jengka 19, PWF Chini 3 di Pahang, PWF Neram 1 di Terengganu, PWF Chuping di Perlis dan PWF Chiku 5 di Kelantan yang melibatkan pembinaan Rumah Kos Rendah sebanyak 1,048 unit dan Rumah Kos Sederhana Rendah sebanyak 676 unit. Sehingga September 2011, kemajuan projek telah mencapai hampir 78

peratus dan dijangka siap pada penghujung 2013. Waiau bagaimanapun, untuk projek-projek PWF akan datang adalah bergantung kepada peruntukan serta keperluan khususnya dari segi lokasi dan kesesuaian tanah.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN**

**:29 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TAN SRI DATO' SERI ABD. KHALID BIN  
IBRAHIM  
[BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH 3 OKTOBER 2011**



**SOALAN:**

**TAN SRI DATO' SERI ABD. KHALID BIN IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat bukti kukuh berlakunya pendaftaran lebih 1,000 penduduk tetap {PR) dalam daftar pengundi di Selangor. Apakah punca sebenar kerana terdapat dakwaan bahawa masalah ini bukan setakat kecuaiian teknikal.

**NO. SOALAN**

**:29 JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menjalankan urusan pendaftaran pemilih, Suruhanjaya adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang dalam menentukan kelayakan seseorang pemohon sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal (1) Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:-

“(1) Tiap-tiap warganegara yang-

(a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada

tarikh kelayakan;

- (b) bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau, jika tidak bermastautin sedemikian, ialah seorang pengundi tidak hadir; dan
- (c) didaftarkan, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya, dalam daftar pemilih sebagai pemilih dalam



bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada  
tarikh kelayakan,

**NO.SOALAN : 100**

berhak mengundi di dalam bahagian pilihan raya itu dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan melainkan jika dia hilang kelayakan di bawah Fasal (3) atau di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan pilihan raya; tetapi tiada seorang pun boleh mengundi dalam pilihan raya yang sama di dalam lebih daripada satu bahagian pilihan raya.”

Seterusnya SPR dalam memproses dan meluluskan sebarang permohonan pendaftaran pemilih adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang khususnya Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

Dalam melaksanakan urusan tersebut, SPR menggunakan aplikasi Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun (e-SPPST) di mana SPR diberi kemudahan untuk menyemak secara terus dengan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui kemudahan aplikasi ALIS yang disediakan oleh JPN. Kerjasama dan bantuan dari JPN membenarkan SPR untuk menyemak status

NO.SOALAN : 101  
kewarganegaraan setiap pemohon berserta maklumat peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir dan alamat berdasarkan kepada maklumat warganegara yang disimpan dalam pangkalan data JPN.

Sehubungan dengan itu, sekiranya pemohon disahkan bukan warganegara seperti berstatus penduduk tetap, maka permohonan tersebut akan ditolak dan namanya tidak akan didaftarkan sebagai pemilih bagi mana-mana bahagian pilihan raya. Oleh yang demikian, dakwaan berhubung terdapat lebih 1,000 orang penduduk tetap didaftarkan sebagai pengundi dalam bahagian pilihan raya dalam negeri Selangor adalah tidak benar.

Walau bagaimanapun, sekiranya wujud apa-apa kesilapan dalam urusan pendaftaran, ia adalah disebabkan kecuaiian teknikal semata-mata dan bukanlah disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN  
(IPOH BARAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.10.2011**

**Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan cabutan khas yang diluluskan untuk Sports TOTO, Da Ma Cai dan Magnum sejak tahun 2000, dan jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan meluluskan sebanyak **Satu Ratus Empat Puluh Dua (142)** kali cabutan khas sejak tahun 2000 untuk semua Agensi Nombor Ramalan dengan jumlah hasil adalah sebanyak **RM1,403,968,967.39**.

**SOALAN NO: 31**

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

TARIKH: 3 OKTOBER 2011

SOALAN:

**NO SOALAN** JLNG

**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah graduan yang menganggur mengikut tahun sejak tahun 2005 hingga terkini dan apakah strategi Kerajaan dalam mempertimbangkan "*employability*" golongan ini terutama di bidang-bidang alternatif selain daripada bidang asal yang diikuti graduan-graduan terbabit.

PR-1243-L45933

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, **Jabatan Perangkaan Malaysia**, bilangan siswazah menganggur mengikut tahun adalah seperti rajah 1 :

Rajah 1 : Bilangan Siswazah Menganggur Mengikut Tahun

Bilangan	Tahun	Jumlah
1	2005	63 000
2	2006	65 700
3	2007	53 500
4	2008	54 100
5	2009	63 000
6	2010	65 500
7	2011	76 200

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

2. Mengikut data Kementerian Sumber Manusia melalui portal *JobsMalaysia* pula, pendaftaran pencari kerja baru bagi siswazah sehingga 27/09/2011 adalah 88,560 siswazah dan 59,789 bukan siswazah. Jumlah keseluruhan pendaftaran adalah 148,349 orang pencari kerja. Bilangan pendaftar pencari kerja tidak menggambarkan jumlah pengangguran di kalangan siswazah kerana ada pencari kerja sedang bekerja dan memohon jawatan baru.

3. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga mengadakan Kajian Pengesanan Graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau *Tracer Study* bagi siswazah yang baru menamatkan pengajian. *Tracer Study* merupakan kajian bagi mengukur tahap *employability* dan *marketability* graduan serta persepsi mereka terhadap keberkesanan program akademik dan sistem penyampaian di institusi masing-masing bermula dari 6 bulan pertama selepas graduan menamatkan pengajian masing-masing sehingga pada tarikh menghadiri konvokesyen pada tahun yang sama. Berdasarkan kajian pada tahun 2010 yang melibatkan 224,776 graduan. Daripada jumlah tersebut terdapat 42,955



responden belum bekerja dan antara sebab graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) belum bekerja adalah seperti berikut:

- a. Sedang mencari pekerjaan bersamaan 71.5 %.
- b. Menunggu penempatan untuk melanjutkan pengajian bersamaan 16.2 %.
- c. Ingin berehat seramai bersamaan 3.4%.
- d. Tidak bekerja kerana kerja yang ditawarkan tidak sesuai, masalah kesihatan, tanggungjawab terhadap keluarga, memilih untuk tidak bekerja atau tidak berminat untuk bekerja bersamaan 8.8%.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Berhubung dengan pertanyaan apakah strategi Kerajaan dalam mempertimbangkan "*employability*" graduan, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi membantu golongan siswazah menganggur mendapat pekerjaan dan menimba pengalaman dan meningkatkan tahap kemahiran melalui program- program latihan, *apprenticeship* dan *internship* bagi meningkatkan kebolehpasaran (*employability*) siswazah. Program-program yang

dilaksanakan bukan sahaja memberi penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran siswazah, tetapi juga memfokuskan kepada pendedahan kepada pengetahuan keusahawanan. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan siswazah yang tidak hanya mengharap kepada pekerjaan sedia ada dalam sektor awam dan swasta, malah mampu untuk menceburi **bidang keusahawanan** sebagai bidang pilihan kerjaya. Antara program yang dijalankan bagi meningkatkan kebolehpasaran siswazah adalah seperti berikut:

**a. Program-Program Di Bawah Kementerian Sumber Manusia**

**i. Pembiayaan Tempat Latihan Program INSEP (PTPK)**

- Di bawah RMK-10 (2011-2015), Kerajaan telah diperuntukkan RM1 billion dimana untuk *1<sup>st</sup> Rolling Plan* (2010-2012) peruntukan adalah sebanyak RM200 juta. Namun begitu, dalam bajet 2011 PTPK hanya menerima RM60 juta untuk dibelanjakan. Unjuran bagi tahun 2011, dijangka 5,000 pelatih dapat dibiayai.

**ii. Program Penempatan Pekerjaan Azam Kerja oleh Jabatan Tenaga Kerja**

- Bagi tahun 2011 Kementerian Sumber Manusia telah diperuntukkan sebanyak RM3 Juta untuk mengendalikan Program Penempatan Pekerjaan Azam Kerja. Sebanyak 178 program telah

dirancang dan sehingga sekarang sebanyak 119 program telah diadakan dan telah berjaya menempatkan 32,167 orang pencari kerja. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,852 adalah siswazah.

**iii. Program *Specialised Training and Advanced Recruitment* (STAR) di bawah Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB)**

- Program STAR bertujuan untuk melatih graduan lepasan diploma dan ijazah pertama dengan kemahiran dan kompetensi khusus yang diperlukan oleh industri untuk meningkatkan kebolehpkerjaan mereka dari golongan *vulnerable* di pasaran pekerjaan. Program ini mengandungi 3 komponen iaitu latihan secara teori selama 2 hingga 3 bulan di premis penyedia latihan, latihan praktikal selama 2 bulan di premis majikan swasta yang akan memberikan pendedahan suasana serta pengalaman kerja sebenar bagi meningkatkan kebolehpkerjaan mereka, dan penempatan pekerjaan dengan gaji minimum sebanyak RM1,500.00 untuk lepasan diploma dan RM2.000 untuk lepasan ijazah setelah menamatkan latihan sepenuhnya. Terdapat lima kursus yang ditawarkan di bawah program STAR ini iaitu *Executive Development Programme, ASP.net, J2EE, PHP*

*MySQL* dan *Cisco Certified Network Professional (CCNP)*. Sejak mulai dilaksanakan pada Januari 2011 sehingga 16 September 2011 seramai 1,277 graduan telah diluluskan untuk mengikuti program latihan ini dengan bantuan kewangan berjumlah RM7.63 juta.

**b. Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**

Pada 1 Jun 2011, Kerajaan telah melancarkan program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) yang bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Seramai 3,000 orang siswazah menganggur telah ditawarkan peluang latihan dibawah anjuran syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Di bawah skim tersebut, siswazah yang tidak mendapat kerja dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian berpeluang menerima latihan dengan syarikat-syarikat GLC selama setahun. Mereka juga ditawarkan elaun secara purata RM 1,000 sebulan sepanjang tempoh latihan tersebut. Selain didedahkan dengan kemahiran seperti '*soft skills*', siswazah berkenaan turut diberi latihan dalam kerja dan akan dibantu untuk mencari kerja tetap selepas tamat latihan.

**c. MSC Malaysia *Knowledge Worker Development Initiative* Oleh MOSTI**

i. MSC Malaysia KDI adalah inisiatif MDeC yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan relevan untuk memenuhi permintaan pihak industri. Antara program yang disediakan di bawah MSC Malaysia KDI 2011 adalah Program Kemahiran Siswazah (USP), Program Apprentis dan Pembangunan Siswazah (UGRAD), Program Latihan Graduan (GTP), Program Kem Kerjaya (Job Camp), Program Kerjasama antara Industri dan Akademia (IAC). Program-program ini

menyediakan kursus latihan serta latihan dalam kerjaya kepada golongan siswazah dan lepasan graduan.

- ii. Antara fokus bidang dan kemahiran termasuklah Teknologi Maklumat, *Shared Sevices* and *Outsourcing* (SSO), Kejuruteraan Elektronik dan Multimedia Kreatif. Sehingga 31 Mac 2011, MDeC telah berjaya melatih seramai 36,318 graduan. Daripada jumlah graduan yang dilatih pada 2010, sekitar 93% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.

**d. Program Latihan Graduan Industri pembinaan Oleh CIDB**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri pembinaan di Malaysia telah menyediakan program “Latihan Graduan Industri Pembinaan” khusus bagi melatih graduan-graduan IPTA dan IPTS bidang pembinaan yang masih menganggur. Program tersebut menawarkan kursus selama 2 bulan dalam bidang Pengurusan Projek, Keselamatan & Kesihatan Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina di mana ianya dijalankan di 6 Akademi Binaan Malaysia milik CIDB. Segala perbelanjaan kursus tersebut ditanggung sepenuhnya oleh CIDB termasuk penginapan, makan minum dan pakaian kursus. Malah setiap peserta diberi elaun bulanan sebanyak RM500. Setelah tamat kursus adalah diharapkan setiap para peserta dapat menyertai sektor pembinaan dengan mendapatkan pekerjaan dengan kontraktor dan yang berkaitan. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2007, sehingga Disember 2010 seramai 814 graduan telah menyertai program tersebut.

**e. Sektor perkhidmatan awam**

Melantik graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Singkat dan Guru sandaran sehingga Disember 2011 yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran;

**f. Program Keusahawanan**

Menempatkan siswazah terpilih di Perindustrian Kecil dan Sederhana melalui Program Perantisan Tunas Mekar selama setahun disamping menjalani kursus keusahawanan. Program ini dikendalikan oleh UiTM. Latihan-latihan juga disediakan oleh MDec melalui Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP) dan FAMA melalui program Pembangunan Usahawan Siswazah.

**g. *Student Employment Experience Development* (SEED)**

i. Program *SEED* terbahagi kepada tiga sub-program iaitu *Graduate Executive Training (GET)*, *Islamic Capital Market Graduate Training Scheme (ICMGTS)* dan *Graduate Development Programme (GDP)*. *GET*

merupakan program khas bagi pengambilan pelatih pengurusan bagi agensi pengawalselia iaitu SC, Bursa Malaysia dan SIDC. *ICMGTS* pula merupakan program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal Islam dan disasarkan untuk melatih 200 modal insan sehingga tahun 2011. Manakala *GDP* pula adalah program khas yang dibentuk bagi menyokong pertumbuhan pasaran modal konvensional dan

disasarkan untuk melatih 180 graduan dan seterusnya membuka peluang untuk mereka dilesenkan sebagai *dealer representative* ataupun *remisier*.

ii. Setakat ini CMDF telah memperuntukan sejumlah RM12.9 juta untuk membiayai program latihan graduan bagi tujuan membuka peluang pekerjaan di dalam industri sekuriti. Jumlah ini merangkumi program *GDP* dan *ICMGTS* di mana masing-masing diberi peruntukan sebanyak RM8.2 juta dan RM4.2 juta dan peruntukan untuk Persatuan Remisier Bumiputera (PRIBUMI) sebanyak RM500 ribu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DARIPADADATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB**

**[ LANGKAWI ]**

**TARIKH                :    03OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ] minta PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) sejauh manakah pemantauan dibuat terhadap Melayu Islam Kedah (MIK) yang sekarang ini kebanyakannya berkampung di Langkawi; dan

**JAWAPAN: Y.B. DATO'SERI MOHAMEDNAZR1ABDULAZIZ**

- (b) apakah tindakan pro aktif Kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan ini dan apakah pemantauan dan tindakan dibuat oleh pihak Majlis Keselamatan Negara.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan sentiasa memantau kawasan-kawasan yang berpotensi menimbulkan masalah- masalah keselamatan seperti jenayah, penyeludupan, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Dalam hal ini, pemantauan keselamatan di penempatan masyarakat setinggian Melayu di Langkawi seperti yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat Langkawi adalah tidak terkecuali. Dari masa ke semasa agensi-agensi penguatkuasaan secara berterusan memantau dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi membendung dan membentaras aktiviti-aktiviti yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Sekian, terima kasih.  
PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. Datuk Chua Soon Bui  
[Tawau ]



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

TARIKH JAWAPAN : 3 OKTOBER 2011 (ISNIN)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 33

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) bilakah Kementerian bercadang mengumumkan isi kandungan kontrak-kontrak IPP supaya mereka itu adalah telus dan bertanggungjawab kepada rakyat. Apakah rekomendasi oleh My Power Corporation terhadap penyemakan semula kesemua kontrak IPP; dan
- (b) adakah pandangan awam akan diterima supaya sebarang perjanjian yang berat sebelah tidak berlaku lagi.

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Seperti yang telah dinyatakan di Dewan yang mulia ini sebelum ini, isi kandungan Perjanjian Pembelian Tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPA), dengan izin, adalah merupakan perjanjian antara dua pihak iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Penjana Bebas atau *Independent Power Producer* (IPP), dengan izin. Perjanjian-perjanjian tersebut tidak melibatkan Kerajaan dan sebarang pengumuman mengenai isi kandungan PPA tersebut hanya boleh dibuat oleh pihak-pihak yang menandatangani PPA tersebut.

Kerajaan telah menubuhkan MyPOWER Corporation (MyPOWER) bagi melaksanakan langkah-langkah penyusunan semula industri bekalan elektrik ke arah mewujudkan industri yang mampan dalam jangka masa panjang. Salah satu inisiatif yang telah dipertanggungjawabkan kepada MyPOWER di bawah program ini adalah untuk mengkaji semula terma-terma PPA IPP generasi pertama. Pihak MyPOWER telah mengemukakan beberapa maklumbalas berdasarkan perbincangan yang telah diadakan

dengan pihak IPP dan *stakeholders*, dengan izin, yang lain. Pada masa ini, pihak MyPOWER dan Kerajaan sedang memuktamadkan kajian semula terma-terma ini dengan mengambilkira kepentingan semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kepentingan semua pihak diambilkira, khususnya kepentingan para pengguna dalam segala program yang dilaksanakan. Ini adalah jelas terbukti berdasarkan terma-terma PPA bagi IPP generasi kedua dan ketiga yang lebih adil serta mengambilkira kepentingan semua pihak. Selain dari terma-terma PPA yang lebih adil, Kerajaan juga telah memulakan proses penawaran IPP yang lebih telus menerusi tender sepertimana telah dilaksanakan bagi pembinaan unit tambahan 1,000 MW loji jana kuasa berasaskan arang batu di Tg. Bin, Johor. Pelaksanaan projek-projek penambahan kapasiti penjanaan akan datang akan dilaksanakan menerusi proses tender terbuka.

\*\*\*\*\*

**tu0- SOA'W'K\***  
**WO. AUM .36**  
**■NO.-AUF-**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]  
DARIPADA  
TARIKH 3 OKTOBER 2011  
SOALAN 4034  
RUJUKAN

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah asas-asas untuk Kerajaan mengisytiharkan BERSIH pertubuhan haram dan memandangkan Kerajaan telah memutuskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengkaji Sistem Pilihan Raya, sama ada BERSIH tidak lagi diharamkan. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, BERSIH diisytiharkan sebagai pertubuhan haram yang menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966 diatas justifikasi bahawa BERSIH bergerak aktif dan mencetuskan suasana gelisah dan kebimbangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini dengan;

- (a) menyebarkan propaganda menghasut rakyat bagi tujuan menjatuhkan Kerajaan dengan mengedarkan risalah-risalah tertentu; dan
- (b) aktiviti-aktivitinya yang memberi kesan negatif kepada imej negara, bahkan boleh mengancam, menggugat ketenteraman awam, keselamatan, kemakmuran ekonomi dan kedaulatan negara malahan menjejaskan keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga kini, BERSIH masih lagi kekal sebagai pertubuhan haram. Sehubungan dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengkaji Sistem Pilihan Raya sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, ianya telahpun ditubuhkan sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

TARIKH

3 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Tanah di Kampung Manis, Perai, Pulau Pinang milik FELDA sekarang dan sekiranya ya, adakah FELDA akan memajukan tanah ini sebagai projek perumahan mampu milik dengan memberi pampasan yang sewajarnya kepada sekitar 500 buah keluarga yang menduduki kawasan tersebut.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

## TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, FELDA tidak mempunyai sebarang tanah mahupun mempunyai peneroka di Pulau Pinang. Justeru itu, tiada apa-apa ulasan yang dapat diberikan oleh FELDA berkaitan pembangunan masa depan hartanah di Pulau Pinang.

**SOALAN NO: 36**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 3 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan PDRM, SPRM dan SKMM berkenaan alegasi ke atas Datin Seri Rosmah Mansor berhubung dakwaan pembelian sebarang cincin bernilai USD24 juta.

**JAWAPAN : YB. DATO<sup>5</sup> SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya menjalankan siasatan bagi kesalahan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan sepertimana dalam peruntukan Akta SPRM 2009.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam isu yang dibangkitkan ini, SPRM telah merujuk kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan pihak JKDM mengesahkan bahawa tiada sebarang pembelian ke atas cincin tersebut. Setelah beberapa hari cincin tersebut dikembalikan semula kepada syarikat pemunya cincin berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**MO- fM CAA/«' 3 ^ •**

*Ktr\A MM in*



NO. HUIW. 40 M O / V f-f-P—<sup>L</sup>

«

/”Iwi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[GOMBAK]  
**TARIKH** 3 OKTOBER 2011  
**RUJUKAN** 4287

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peruntukan undang - undang negara yang telah dilanggar oleh peguam Perancis, William Bourdon yang menyebabkan beliau dihantar pulang ke negaranya pada 22 Julai 2011. Apakah Kerajaan menyedari bahawa tindakan tersebut telah menjejaskan imej negara di peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Gombak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peguam Perancis William Bourdon telah ditahan dan dihantar pulang ke negara asal kerana beliau telah melanggar syarat - syarat Pas Lawatan Sosial seperti yang termaktub di dalam Seksyen 39(b) Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 yang menyatakan bahawa:

“Mana - mana orang yang tanpa alasan yang munasabah melanggar atau gagal mematuhi mana - mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan, atau arahan yang diendorskan di atas mana - mana Pas, Permit atau Pas Sempadan, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Peraturan - Peraturan ini dan hendaklah dikenakan apabila disabitkan, hukuman penjara kepada tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua - dua penjara dan denda tersebut.”

Sehubungan dengan itu, tindakan yang diambil oleh Jabatan Imigresen adalah selaras dengan peruntukan di dalam Akta. Tindakan yang sama juga akan diambil oleh negara-negara lain terhadap mana - mana warganegara asing yang menyalahi mana - mana Akta yang berkuatkuasa di negara mereka.

**SOALAN NO: 125**

PARL1MEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

JAWAB LISAN  
DATO' RASHID BIN DIN  
[MERBOK] 3 OKTOBER 2011  
(ISNIN)

Dato' Rashid Bin Din [Merbok] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah pembinaan rumah perternakan burung walit tanpa lesen dan usaha Kerajaan untuk mengawal selia perusahaan ini untuk mengelakkan pertumbuhan berleluasa tanpa kawalan.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

Pengeluaran lesen premis penternakan burung walit adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bukannya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jabatan Perkhidmatan Veterinar hanya menjalankan usaha mendaftar premis penternakan burung walit ini bagi tujuan pemantauan dan daya jejak (traceability) keluran sarang burung walit. Pendaftaran premis penternakan burung walit dilakukan agar bantuan khidmat teknikal serta kawalan penyakit haiwan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Sehingga kini sebanyak 1,006 buah premis telah didaftarkan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk pendaftaran premis pemprosesan produk hasil sarang burung walit.

Berdasarkan rekod PBT sehingga bulan Mac 2011, sebanyak 3,228 buah premis di kawasan bandaran telah mendapat lesen premis

**NO SOALAN ^**

penternakan burung walit dan jumlah yang belum memiliki lesen adalah masih dalam tindakan PBT untuk mengeluarkan lesen premis penternakan burung walit.

Keputusan Jemaah Menteri pada April 2009 telah bersetuju untuk melantik Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai peneraju kepada industri sarang burung walit ini. Pengenalan Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) pada 9 Julai 2010 yang dibuat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia secara langsung membantu pihak Kerajaan memantau perkembangan industri ini dengan lebih teratur. 1GP juga boleh dilihat sebagai panduan yang merangkumi aspek legislatif kerajaan sedia ada bagi urusan pelesenan dan pendaftaran premis penternakan termasuk aktiviti pemprosesan. 1GP turut menekankan Amalan Baik Penternakan Haiwan - *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP-MS 2273:2009)

berkaitan dengan tatacara pengurusan ternak dan premis.

**PEMBERITAHUAN      NO SOALAN ^**  
**PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA            : Y.B. DATO<sup>1</sup> KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**(TELOK KEMANG)**

**PERTANYAAN        : LISAN**

**TARIKH                : 03.10.2011**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan alasan Kerajaan enggan memberi penjelasan secara terperinci jumlah pelepasan cukai yang diterima oleh Air Asia sebanyak 60 peratus khas untuk membeli aset dari mulanya ia beroperasi dan termasuk jangkaan jumlah hingga tahun pelepasan berakhir pada 2014

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat mengemukakan maklumat mengenai jumlah pelepasan cukai yang diterima oleh AirAsia Berhad secara terperinci memandangkan maklumat percukaian secara spesifik mengenai sesuatu syarikat adalah sulit. Perkara ini menepati peruntukan di bawah Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967.





tanggapan atau perspektif negatif mengenai hubungan antara Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman hasil dari lawatan berkenaan. Beliau menegaskan bahawa Kerajaan amat menghormati dan memahami keperluan bagi cabang kehakiman yang bebas dalam usaha ke arah mencapai negara maju.

Lawatan berkenaan dibuat bertujuan untuk meninjau lebih dekat pembaharuan-pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh Badan Kehakiman di bawah pimpinan Yang Amat Arif Tun Zaki Tun Azmi dan yang amat membanggakan adalah kejayaan atas usaha-usaha untuk mengurangkan kes-kes tertunggak. Pencapaian Badan Kehakiman ini telah diiktiraf oleh badan-badan dunia seperti Bank Dunia yang telah menyediakan satu laporan bertajuk '*Malaysia Court Backlog and Delay Reduction Program : A Progress Report*'. Selain komen positif pengarang dalam laporan berkenaan, pengarang laporan tersebut turut percaya bahawa usaha Badan Kehakiman Negara ini juga dapat menjadi contoh kepada negara-negara lain yang berhasrat untuk mengurangkan kes-kes tertunggak mereka. Sehubungan itu, lawatan Teh (*Tea Visit*) YAB Perdana Menteri ke Istana Kehakiman tersebut adalah wajar sebagai penghargaan dan ucapan tahniah kepada Badan Kehakiman Negara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN: (DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Disediakan oleh : Encik Mohamad Samsi bin Kamarudin

Diluluskan oleh : Encik Iskandar Mohd. Kaus

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 3 OKTOBER 2011 (ISNIN)

DARIPADA Y.B. TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]

#### **SOALAN**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tarikh tepat penutupan tapak pelupusan sampah Bukit Bakri. Senaraikan:-

(a) kos untuk projek naik taraf tapak tersebut; dan

(b) nama syarikat yang menerima tawaran projek ini dan tarikh tawaran.  
Tuan Yang DiPertua,

## **JAWAPAN**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada tapak pelupusan Bukit Bakri sedang dinaiktaraf manakala sebahagian lagi akan ditutup selamat. Tindakan sedemikian diambil kerana tapak tersebut tidak dapat ditutup kesemua kawasannya kerana tapak alternatif masih belum dapat dibina. Oleh yang demikian, sementara tapak baru dikenalpasti dan dibina, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menutup selamat sebahagian besar tapak manakala sebahagian lagi dinaik taraf bagi menangani masalah pencemaran air dan bau. Kos projek naik taraf dan tutup selamat ini adalah berjumlah RM 8.7 Juta.
- (b) Projek ini telah dilaksanakan secara tender terbuka dan telah ditawarkan kepada kontraktor Sunan Jaya Sdn. Bhd. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 10 bulan bermula pada 5 September 2011 dan dijadualkan siap pada 4 Mei 2012. Pada masa ini, kerja-kerja awalan di tapak sedang giat dilaksanakan. Apabila projek ini

siap kelak, isu bau busuk dan pencemaran di persekitarannya dapat  
dibendung.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

**SOALAN 42**

**PERTANYAAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B.TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]**

**TARIKH**

**3 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN**  
**menyatakan:**

Berapakah unit “mobile tourism information bus” yang telah dibeli oleh Kementerian, apakah kegunaannya, kos setiap unit bas tersebut dan siapakah kontraktor untuk projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

**JAWAPAN**  
Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, '*mobile tourism information centre*' (MTIC) merupakan kaedah baru dan inovatif melalui '*ambient mobile advertising*', di bawah kempen pelancongan domestik Cuti-Cuti 1 Malaysia yang diperkenalkan pada bulan April 2011.

MTIC ini berperanan untuk mewujudkan kesedaran dan menyemarakkan lagi sambutan orang ramai terhadap produk-produk pelancongan, acara-acara dan kempen-kempen pelancongan domestik yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia secara terus kepada orang ramai .

Untuk itu, sebanyak **2 unit** kenderaan yang bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain telah digunakan. Kenderaan ini dilengkapi dengan kaunter pertanyaan yang diuruskan oleh 2 orang pegawai penerangan Tourism Malaysia dan kelengkapan sistem audio serta dihiasi dengan paparan iklan tempat-tempat menarik dibadan-badan kenderaan tersebut bagi menarik perhatian orang ramai.

Sehingga Ogos 2011, sejumlah **90,000 pengunjung** telah mengunjungi pusat penerangan bergerak ini di **206 lokasi** seluruh negara antaranya seperti berikut:

1. Dataran Putra, Putrajaya
2. Batu Caves, Selangor
3. Jalan Ampang, Kuala Lumpur
4. Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
5. Kampung Seronok, Pulau Pinang
6. Pasaraya Mydin, Ayer Keroh
7. Sutera Mall, Skudai, Johor
8. Kampung Sanggang, Temerloh,  
Pahang
9. Telok Chempedak, Kuantan, Pahang
10. SACC Mall, ICT Shah Alam, Selangor
11. dan lain-lain destinasi

Kenderaan-kenderaan ini tidak dibeli oleh pihak Tourism Malaysia. Sebaliknya ia adalah merupakan pakej promosi pengiklanan domestik yang dilaksanakan oleh agensi pengiklanan pasaran domestik sedia ada yang dilantik melalui tender terbuka oleh Tourism Malaysia pada tahun ini.





**NO.SOALAN : 43**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      LISAN

DARIPADA                        PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[ LEMBAH PANTAI ]

TARIKH                            3 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan milik siapa pesawat Airbus A319-IIX yang digunakan semasa percutian YAB. Perdana Menteri di Perth, Australia serta kekerapan penggunaan pesawat dan kos terbabit.



**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Mulai 3 Ogos 2007, Kerajaan telah menyewa sebuah Pesawat Airbus Corporate Jetliner A319 daripada Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) untuk kegunaan WIP Negara termasuk Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri.

Bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2011, kekerapan penggunaan pesawat adalah meliputi 155 sektor di dalam dan luar negara dengan kos penggunaan berjumlah RM9,158,430.45 yang meliputi kos bahan api pesawat, *'parking & handling charges'*, sajian dan logistik krew pesawat.

Sekian, terima kasih.

4\*|  
**SOALAN**  $\sqrt{\frac{9}{4}}$

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA**

**(BAKRI)**

**TARIKH : 3 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah penyelesaian untuk mengatasi masalah bekalan air di Mukim Air Hitam, Kawasan Bukit Naning:-**

- (a) Adakah satu projek pembinaan tangki air pernah dicadangkan. Jika ya, bila dan mengapa projek tersebut terbengkalai; dan**
- (b) Sebutkan rancangan pembinaan tangki air dan naik taraf paip-paip utama yang akan dilaksanakan.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permohonan pembinaan sebuah tangki dan rumah pam bagi kawasan Bukit Naning, Air Hitam dan Kg Parit Tengah. Permohonan berkenaan telah disenaraikan di bawah *Rolling Plan* Kedua RMKe-10.

Pada masa ini, Kementerian dalam proses melaksanakan tiga (3) buah tangki di negeri Johor seperti berikut:

- 1) Projek Bekalan Air Sistem Retikulasi Tahun 2010 Negeri Johor Zon 2 (Kg Keremoiyang) dengan kos sebanyak RM1.3 juta dan dijangka siap pada bulan Oktober 2011;
- 2) Projek Membina dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ke Perkampungan FELCRA Bukit Kepong, Labis, Johor dengan kos sebanyak RM 10.6 juta dan dijangka siap pada bulan Oktober 2012; dan
- 3) Projek Membina dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ke Perkampungan Felcra Sungai Ara,

**Kota Tinggi Serta Penempatan RISDA Sungai Ambat,  
Mersing, Johor dengan kos sebanyak RM17.05 juta  
dan dijangka siap pada bulan September 2012.**

**Bagi projek menaiktaraf paip-paip utama, ianya adalah di  
bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN).**

